


**Jilid I  
Bil. 20**



**Hari Selasa  
29hb Julai, 1975**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1945]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah [Ruangan 1960]**

**Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran  
Nama) [Ruangan 1998]**

**Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 2002]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL PERTAMA**

---

Hari Selasa, 29hb Julai, 1975

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

- Yang Berhormat TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

#### YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).

## YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebajikan Am, Puan HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Seri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### FELDA DI JOHOR TENGGARA/ PAHANG TENGGARA/TRENGGANU TENGAH—KELUASAN TANAH

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan keluasan tanah yang telah dibuka oleh FELDA di Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan Trengganu Tengah sehingga 30.6.75.

**Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, keluasan tanah yang telah dibuka oleh FELDA di Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan Trengganu Tengah sehingga 30.6.75 adalah seperti berikut:

Johor Tenggara ... ..	75,449	ekar
Pahang Tenggara ... ..	80,897	ekar
Trengganu Tengah ... ..	34,420	ekar
	<hr/>	
JUMLAH ... ..	190,766	ekar

#### RISDA—RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI

2. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) samada benar bahawa rasuah telah terdapat di kalangan Pegawai-pegawai RISDA dan jika ya, mengapa; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang Kementerian beliau bercadang akan ambil untuk memperbaiki pentadbiran RISDA dan lain-lain badan yang di bawah tanggungjawab Kementerian ini sebagai langkah untuk menjaga nama baik Kerajaan.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang benar ada terdapat kejadian rasuah di kalangan pegawai-pegawai RISDA dari masa RISDA dikenal sebagai Lembaga Perusahaan Getah

Tanam Semula dahulu. Walau bagaimanapun, kejadian-kejadian itu terhad di kalangan segolongan kecil sahaja. Kejadian-kejadian itu disebabkan oleh beberapa faktor seperti adanya sindiket dan juga beberapa pegawai Kerajaan yang menyalahgunakan kuasa dan peraturan-peraturan yang telah disusun untuk menyenangkan pemberian bantuan kepada pekebun-pekebun kecil.

- (b) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki pentadbiran RISDA adalah seperti berikut:

- (i) *Tindakan Undang-undang:* Pihak B.S.N. diminta menumpukan siasatan dan bertindak dengan kebebasan penuh di atas sesiapa-sesiapa juga yang disyaki terlibat. Beberapa tangkapan telah dibuat dan kes-kesnya dibawa ke mahkamah.

- (ii) *Tindakan Disiplin dan Pentadbiran:* Pengerusi RISDA diarah mengambil tindakan-tindakan tersebut untuk mengelak kemungkinan perkara-perkara buruk itu terus berlaku.

- (iii) *Tindakan Pengawasan:* RISDA telah menubuhkan satu Bahagian Inspectorate dan Penilaian untuk sentiasa mengawasi pentadbirannya.

- (iv) *Pindaan kepada Undang-undang dan Peraturan:* Kajian ini sedang dijalankan dan apa juga pindaan yang difikir perlu akan dilaksanakan.

Bagi badan-badan yang lain di bawah Kementerian saya, saya sentiasa berusaha untuk mengawasi dengan rapi perjalanan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh badan-badan itu.

#### TANDAS-TANDAS KOTOR

3. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar keadaan yang kotor dan tidak sihat yang terdapat di dalam banyak tandas-tandas di lapanganterbang, stesyen-stesyen keretapi, perhentian-perhentian bas, institusi-institusi umum dan sebagainya kerana kekurangan penyenggaraan. Jika ya, apakah langkah-langkah sesuai yang akan diambil untuk membaiki keadaan ini.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tandas-tandas awam adalah kotor dan telah menasihatkan Penguasa-penguasa Tempatan untuk mengawasi dengan lebih rapi kerja-kerja membersihkan tandas-tandas awam. Tandas-tandas awam yang kebanyakannya berada dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan adalah dijaga kebersihannya oleh pekerja-pekerja Penguasa Tempatan pada setiap hari. Keadaan kotor yang dikatakan itu mungkin timbul akibat dari orang-orang awam menyalahgunakan tandas-tandas tersebut. Banyak kali terdapat sampah-sarap, kayu, kertas, batu dan sebagainya dibuang ke dalam tandas-tandas awam. Ini menyebabkan saluran air tersekat dan menyebabkan air kotor bertakung.

Berkenaan dengan tandas-tandas awam di lapanganterbang-lapanganterbang, ingin saya memaklumkan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perhubungan bahawa tandas-tandas tersebut dibersihkan tiap-tiap hari atau beberapa kali apabila keadaan memerlukan. Di lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur, kerja membersih dijalankan melalui kontrek dan tandas-tandas selalu diawasi oleh pihak lapanganterbang supaya ianya dipelihara dalam keadaan bersih. Bagi lapanganterbang yang lain, kerja yang tersebut dijalankan oleh pencuci-pencuci tandas. Pada masa-masa yang mana kebersihan menjadi tandatanya kejadian sedemikian berlaku kerana orang awam menyalahgunakan dan membuang sampah di tempat-tempat tersebut.

Begitu juga Pentadbiran Keretapi sentiasa mengambil tindakan menjaga kebersihan tandas-tandas yang terdapat di stesyen-stesyen keretapi. Bagi stesyen Besar Kuala Lumpur, kerja membersih adalah dijalankan oleh pekerja-pekerja secara kontrek.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini bercadang bahawa di satu masa akan datang hendak dikutip cukai terhadap tiap-tiap pengguna yang menggunakan tandas-tandas? Dengan itu kita dapat jadikan hasil untuk menyenggara kebersihan tandas itu.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh ditimbang. (Ketawa).

## KEMATIAN DEMAM DENGGI HAEMORRHAGIC

**4. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kesihatan menyatakan keadaan di dalam negeri berkenaan dengan penyakit-penyakit seperti berikut:

- (a) demam denggi;
- (b) taun; dan
- (c) kepialu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kesihatan saya ingin memberikan jawapan mengenai angka-angka yang berkenaan. Kedudukan keadaan yang diminta adalah seperti berikut:

- (a) Hingga 5hb Julai, 1975, sebanyak 296 kes dan 33 kematian demam denggi haemorrhagic telah dilaporkan. Angka-angka ini jika dibandingkan dengan jumlah 1,191 kes dan 80 kematian bagi masa yang sama tahun 1974, menunjukkan bahawa keadaan penyakit ini telah dikawal.
- (b) Berkenaan dengan taun, 71 kes dan 6 kematian telah dilaporkan dan pada masa yang sama dari kebanyakan kes-kes (87.3%) adalah dari Sarawak di mana 62 kes dan 4 kematian dilaporkan. Penyakit ini nampaknya adalah ujud disepanjang masa di Sarawak tetapi tidak ada wabak besar berlaku.
- (c) Berkenaan dengan demam kepialu, 417 kes telah dilaporkan pada masa yang sama. Ini adalah penyakit yang ujud disepanjang masa dan tidak ada wabak besar yang berlaku pada tahun ini.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan demam denggi langkah-langkah Kerajaan telah ambil pada masa sekarang adalah memuaskan. Akan tetapi, mengenai soalan (b) berkenaan dengan taun, kalau kita melihat di kedai-kedai makanan dan minuman kita nampak dengan terang keadaannya sangat kotor, oleh sebab langkah-langkah kawalan yang diambil oleh Jabatan Kesihatan barangkali tidak memuaskan langsung. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang mewakili Menteri Kesihatan berjanji dalam Dewan ini iaitu pada masa yang akan datang Kementerian Kesihatan akan terus mengambil tindakan kedai-kedai makanan dan minuman iaitu dari masa ke masa

pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan akan memeriksa keadaan kebersihan tempat-tempat tersebut dengan sempurna.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu saya akan sampaikan kepada Menteri yang berkenaan.

#### **PERSATUAN BELIA—KEKURANGAN PEMUDA-PEMUDA CHINA**

**5. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada;

- (a) beliau sedar pada masa ini masih kekurangan pemuda-pemudi keturunan China yang menceburkan diri di dalam kegiatan-kegiatan Persatuan-persatuan Belia di bawah kawalan Kerajaan;
- (b) keadaan ini disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai keturunan China berkhidmat di Kementerian beliau untuk memberi galakan kepada pemuda-pemudi keturunan China ini untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja sebegitu; dan
- (c) beliau akan menimbang untuk menambah lebih banyak pegawai-pegawai keturunan China berkhidmat dalam Kementerian beliau supaya dapat mereka menarik lebih ramai pemuda-pemudi keturunan China berkecimpung dalam Persatuan Belia untuk mengeratkan perpaduan antara kaum.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bagi menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- (a) Yang Berhormat Menteri sedar.
- (b) Kekurangan pegawai-pegawai dari keturunan China hanyalah merupakan satu sahaja daripada sebab-sebabnya; dan
- (c) Memang telah diusahakan untuk mendapatkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai daripada keturunan China.

#### **KEMBOJA/VIETNAM SELATAN/ MOZAMBIQUE/CAPE VERDE ISLANDS—PENGIKTIRAFAN MALAYSIA**

**6. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Luar Negeri menyatakan

samada Kerajaan telah mengiktiraf sebarang Kerajaan baru dan jika ya, namakan Kerajaan-kerajaan itu.

**Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berikutan dengan selesainya peperangan di Indo-China, Kerajaan telah mengumumkan pengiktirafannya terhadap Kerajaan di Raja Persatuan Kebangsaan Kemboja pada 18hb April 1975, dan Kerajaan Revolusioner Sementara Republik Vietnam Selatan pada 2hb May, 1975.

Dua negara di Afrika yang dulunya di bawah jajahan Portugis telah mencapai kemerdekaan telahpun diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Negara-negara itu ialah Mozambique pada 25hb Jun, 1975 dan Cape Verde Islands pada 5hb Julai, 1975.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin tahu kedua-dua Kerajaan yang baru kita iktirafkan itu, adakah kedua-dua buah Kerajaan itu telah mengiktiraf Kerajaan kita, atau adakah kita telah membuat satu daya usaha bagi mewujudkan hubungan diplomatik dengan kedua-dua Kerajaan itu?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tepat sangatlah Ahli Yang Berhormat itu bertanya kerana jika Ahli Yang Berhormat mendengar radio siaran warta berita pukul 1.30 tengahari tadi, kita telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan Vietnam Selatan dan satu kenyataan bersama (joint statement) telahpun dikeluarkan pada hari ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu kita mengiktiraf satu-satu negara itu berlandaskan apa?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan kita berdasarkan kepada Convention yang telah dipraktikkan oleh negara-negara yang berdiplomati iaitu oleh sebab dalam fikiran kita yang mana negara-negara lain pun bertindak bersama pada masa yang lepas bersabit dengan negara ini, khususnya Kemboja dan Vietnam Selatan yang mana kita sifatkan Kerajaan yang ada

pada masa itu di negara-negara itu adalah yang dipilih, *de facto*, *de jure* oleh rakyat negara-negara yang berkenaan.

### **PENYATA TAHUNAN PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU**

**7. Tuan Chua Ching Cheng** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah keuntungan dan/atau kerugian yang didapati dan dialami oleh Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dalam tahun-tahun 1971, 1972, 1973 dan 1974.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang dialami oleh Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu pada tahun-tahun yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1971	...	...	...	\$17.40 juta
1972	...	...	...	7.48 juta
1973	...	...	...	6.09 juta
1974	...	...	...	10.00 juta

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerugian Keretapi itu kalau Keretapi barang barangkali ada sebab-sebabnya, jika Keretapi penumpang (*passenger*) adakah kerana kotor, garabak tak sesuai, tak laju, tak ramai penumpang atau apakah sebab-sebab lain kerugian itu berlaku begitu banyak?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali maklum perbelanjaan Keretapi setiap tahun adalah bertambah tetapi pendapatan (*income*) Keretapi begitu juga. Jadi pendapatan belum bertambah sejak beberapa tahun sehingga sekarang, sedangkan harga-harga barang sudah meningkat, gaji pekerja telah dinaikkan, bonos dan Elaun Bantuan Khas (*Special Relief Allowance*) juga diberikan. Ini semua menambah perbelanjaan Keretapi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang biasa dengar sudah lama Kerajaan kita akan membeli koc-koc baru untuk Keretapi Tanah Melayu. Saya sendiri telah mendengar demikian daripada sejak saya menjadi Ahli Dewan Rakyat dalam tahun 1969-1974, dan beberapa banyak Yang Berhormat Menteri telah menjadi Menteri

Pengangkutan dan Menteri Perhubungan, tetapi sampai sekarang rakyat belum dapat menaiki koc-koc baru, cuma kita dengar sahaja, bukan nampak, "koc-koc" yang baru berjalan antara Dewan Rakyat sampai ke Dewan Negara (*Ketawa*) dan pusing balik ke Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya? (*Ketawa*)

**Tuan T. S. Gabriel:** Bilakah kita akan dapat koc-koc baru untuk Keretapi Tanah Melayu, bolehkah Kerajaan beritahu masa yang tetap kita boleh dapat koc-koc yang baru?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa lama lagi boleh naik koc-koc baru daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang (*Ketawa*).

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya adakah Menteri yang berkenaan mengetahui mana-mana negeri dalam dunia ini yang menjalankan keretapi yang mendapat keuntungan, atau semua negara dalam dunia ini yang menjalankan keretapi mendapat kerugian, ataupun ada negeri-negeri yang menjalankan keretapi yang mendapat keuntungan?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya banyak negeri-negeri adalah mengalami kerugian menjalankan perkhidmatan keretapi.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Soalan tambahan. Kalau rugi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dalam Dewan ini, berapakah di antara negeri-negeri atau negara-negara yang telah rugi perkhidmatan keretapi itu dan perkhidmatannya telah diberhentikan, tidak dijalankan lagi.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta notis, sebab banyak negeri yang kita tahu mendapat kerugian yang banyak dan kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri notis, kita boleh siasat atas perkara ini.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar tadi rakan saya Datuk Nik Hassan bertanya

mana ada negeri yang untung, saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa Perkhidmatan Keretapi yang mendapat untung ialah Thailand sebab di Thailand semua railway dijalankan oleh General atau Colonel, mereka tak ada rugi sebab mereka tak ada labour trouble, dan saya dengar railway di Thailand tiap-tiap tahun mendapat untung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan soalan tambahan (*Ketawa*). Lain kali saya tak benarkan!

**Datuk J. E. S. Crawford:** Ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi Menteri mengatakan banyak negeri-negeri yang menimpa kerugian, tetapi yang saya tahu kalau keretapi rugi, bas penumpang rugi, tentu negeri-negeri yang lain tak ada langsung perkhidmatan keretapi. Misalnya, di negeri-negeri barat ataupun di Negeri Jepun tak ada keretapi persendirian yang dijalankan oleh syarikat, tetapi yang dijalankan oleh syarikat serupa sahaja membawa penumpang, membawa barang, untung belaka. Apa sebabnya yang dijalankan oleh Kerajaan boleh rugi dan terus rugi, tak untung-untung melainkan dikatakan oleh Datuk Crawford itu di Thailand sahaja. Kalau di Thailand perkhidmatan keretapi dijalankan oleh General boleh untung, apa salahnya dijalankan oleh General di negeri kita ini (*Ketawa*).

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu apakah soalnya dan apakah hendak dijawab.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jawapan tadi yang mengatakan rugi dan terus rugi ini adalah tidak tepat, boleh atau tidak Keretapi Tanah Melayu ini mendapat keuntungan? Kalau misalnya dikatakan rugi sahaja dalam Dewan ini, maka tak payahlah kita berbincang berkenaan dengan keuntungan lagi, rugi terus habis ditutup, tak payah beli keretapi baru sebab terus rugi. Jadi bila boleh mendapat keuntungan?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak katakan

bilakah kita akan mendapat keuntungan, tetapi saya boleh beritahu dalam Dewan ini bahawa Pentadbiran Keretapi dan juga Kementerian Perhubungan ada membuat beberapa rancangan untuk memperbaiki keadaan railway system pada masa sekarang dan kita adalah menjalankan short term dengan long term planning. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa umur keretapi ini pun sudah lama dan seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi kita pun ada order beberapa coach dan landasan pun hendak diperbaiki dan ini barangkali bolehlah bagi keretapi yang baik dan barangkali boleh mendapat untung.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju bahawa keretapi ini sebagai satu social service walaupun rugi, tetapi saya hendak bertanya, adakah Kerajaan atau Kementerian ini sedar bahawa keretapi yang pergi ke Thailand, (A.S.A. Express), perkhidmatannya tak boleh kata buruk, tetapi amatlah tidak baik dan amat tidak dikehendaki sebagai satu keretapi yang membawa penumpang antarabangsa. Yang kedua, dalam Keretapi A.S.A. Express ini ada orang-orang yang bukan Malaysian bertanya, mengapa Keretapi Malaysia dinamakan "keretapi", yakni kereta coach, api itu fire, sepatutnya kereta railway. Adakah Kerajaan sedar bahawa perkhidmatan ini tidak baik, sesuai pula dengan nama yang tidak betul. Adakah Kerajaan sedar dan hendak membetulkan perkara ini?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru dengar perkara ini (*Ketawa*).

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita tahu keretapi ialah satu perkhidmatan yang dikehendaki dan perkhidmatan sosial kepada rakyat. Bolehkah Kerajaan menimbangankan perkongsian antara Keretapi dengan MAS umpamanya?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, kita bukan menimbangankan perkongsian tetapi kita berharap kerjasama dengan MAS dan lain-lain badan transport.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan. Saya tidak hendak membetulkan anggapan Yang Berhormat Menteri

tetapi pada hemat saya beliau salah faham dengan maksud saya. Kerjasama ini memanglah kerjasama yang kita kehendaki, tetapi sekarang ini tiap-tiap tahun keretapi rugi sedangkan khidmatnya dikehendaki. Bolehkah Jabatan Keretapi dengan Syarikat Penerbangan MAS ini disatukan berkhidmat kerana rakyat, kalau untung sana, tolak sini; rugi sana, tambah sini. Apa yang kita kehendaki sekarang ini Perkhidmatan Keretapi berjalan baik dan tak timbul soal rugi, jikalau kita joint venture dengan apa yang saya katakan tadi.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita mahu berunding dengan MAS samada dia mahu menerima rugi atau tidak.

### KERETAPI—RUMAH BAGI PEKERJA-PEKERJA

**8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa adalah diketahui umum iaitu Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian tiap-tiap tahun dan sekarang hendak memasuki perniagaan perusahaan yang berharga empat juta ringgit pula dan tidakkah ini akan mendatangkan kerugian yang bertambah kepada negara.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu tidak ada rancangan untuk memasuki sebarang perniagaan perusahaan perumahan dengan mana-mana pihak, tetapi akan memberi tanah kepada pihak swasta untuk membina rumah-rumah bagi pekerja-pekerja Keretapi.

### PERKHIDMATAN TALIPON DI KUALA LUMPUR

**9. Tuan A. Arunasalam** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa pemasangan talipon di kawasan Kuala Lumpur mengambil masa berbulan-bulan untuk mendapatkannya. Apakah sebab-sebab kelambatan ini dan apakah langkah yang Kementerian beliau bercadang akan ambil untuk mengatasi masalah ini; dan

(b) samada beliau sedar bahawa untuk mendapatkan sesuatu nombor terutama dari Pahang ke lain-lain tempat melalui taliwanis mengambil masa sekurang-kurang satu atau dua jam. Apakah langkah-langkah beliau bercadang akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jabatan Talikom sedar di atas kelambatan dalam menyediakan perkhidmatan kepada setengah pemohon-pemohon talipon di dalam kawasan Kuala Lumpur. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kebel talipon di kawasan-kawasan di mana ianya diperlukan untuk memberi perkhidmatan, tetapi di kawasan-kawasan di mana pada lazimnya terdapat kebel talipon perkhidmatan dapat diberikan lebih kurang sebulan setelah permohonan diterima. Sebab-sebab utama terjadinya kekurangan kebel talipon di tempat-tempat yang memerlukannya ialah kerana terdapatnya permintaan yang banyak dengan tiba-tiba di dalam masa 3 tahun yang lalu.

Pada tahun 1972 Jabatan ini mendapati permintaan yang tinggi dan telah mengambil tindakan segera untuk membekalkan alat-alat pesawat talipon tambahan dan juga kebel-kebel talipon untuk menampung permintaan-permintaan yang semakin bertambah itu.

Pada tahun 1973 kebanyakan rancangan-rancangan mendirikan bangunan-bangunan untuk bekalan alat-alat pesawat talipon dan terutama sekali kebel talipon kepada orangramai telah dijalankan dengan hebatnya. Jabatan Talikom juga menghadapi kesulitan untuk mendapatkan kakitangan-kakitangan yang berpengalaman untuk pembangunan projek-projek yang menelan belanja yang banyak dan dalam jangka waktu di antara 1971 hingga 1973 Jabatan Talikom telah kehilangan lebih kurang 40 orang jurutera oleh kerana perletakan jawatan kerana mereka boleh memperoleh pendapatan yang lebih di tempat-tempat yang lain. Walaupun keadaan kakitangan telah menjadi lebih baik, ianya akan mengambil masa beberapa tahun untuk

membolehkan jurutera-jurutera baru dilatih supaya mereka dapat memperolehi kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Tindakan-tindakan telah diambil oleh Jabatan Talikom untuk mengatasi masalah-masalah ini.

- (b) Lebih kurang 30% hingga 40% dari panggilan-panggilan jauh yang dikendalikan oleh operator tidak dapat disambungkan dengan cepatnya oleh kerana talipon panggilan berkenaan selalu dipakai dan menyebabkan kelambatan. Kadangkala operator terpaksa mengambil sebanyak 7 atau 8 kali sebelum ianya dapat disambungkan. Pahang mengalami kelambatan ini oleh kerana 3 dari 4 ibusawat-ibusawat itu adalah ibusawat manual, iaitu di Raub, Bentong dan Mentakab. Alat-alat bagi mengadakan ibusawat automatik di Mentakab telah dipesan dan bangunan ibusawat tersebut hampir siap. Rancangan bagi mengadakan ibusawat-ibusawat automatik di Raub dan Bentong akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan setelah ibusawat-ibusawat ini siap nanti seluruh Negeri Pahang akan mendapat kemudahan-kemudahan sistem panggilan jauh ataupun STD. Ini akan mengurangkan kelambatan yang dialami dengan banyaknya.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Di Ibu Kota Kuala Lumpur banyak bangunan-bangunan yang baru, bangunan-bangunan yang mencakar langit pun akan didirikan. Dengan sebab itu berkehendakkan talipon yang lebih banyak dan rakyat seperti yang dijawab tadi menanti cukup lama. Adakah Menteri sedar sebab-sebab yang besar sekali yang menyekat Jabatan Talikom daripada memasang cable ini ialah halangan daripada pegawai-pegawai Ibu Kota melarang supaya jangan dengan sekehendak hati mengorek lubang-lubang menanam cable ini. Dengan sebab itulah maka cable-cable tidak dapat dipasang. Adakah ini sebab-sebab yang besar perkara ini berlaku?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak Ibu Kota tidak benar-benar, kita jalankan kerja kalau ada kadang-kadang.

## JAMBATAN PULAU PINANG

**10. Tuan T. S. Gabriel** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan berapa bilangan aliran masuk dan keluar lalulintas yang dicadangkan dalam rancangan jambatan untuk menyambung Pulau Pinang dengan Tanah Besar.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat Senator itu kurang jelas. Jika yang dimaksudkan ialah jumlah jalur jalan (lanes) yang dicadangkan dalam rancangan jambatan itu, sukalah saya memaklumkan bahawa jambatan itu pada mulanya dicadang supaya mengandungi empat jalur keluar dan masuk (four lanes dual carriageway). Bagaimanapun, peruntukan telah dibuat untuk menambah satu lagi jalur bagi tiap-tiap aliran keluar dan masuk yang akan menjadikannya enam jalur jalan dua hala (six lanes dual carriageway). Walau bagaimanapun, jika yang dimaksudkan ialah jumlah bilangan kenderaan dalam aliran keluar masuk lalulintas yang dijangka untuk jambatan itu apabila ianya dibuka kelak adalah seperti berikut:

Motorsikal ... ..	8,800	tiap-tiap hari
Kereta-kereta ... ..	6,900	..
Lori-lori ... ..	750	..
Bas-bas ... ..	900	..

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan bertanya angka-angka kenderaan yang menggunakan jambatan itu pada tiap-tiap hari. Soalan asal saya ialah saya ingin tahu berapakah inflow dan outflow of traffic itu. Saya suka memberitahu di Sydney, Australia bila Kerajaan membuat jambatan Sydney 100 tahun yang lepas pakar-pakar yang membuat jambatan itu pandang sejauh 100 tahun kedepan. 100 tahun itu jika kita bandingkan traffic hari ini, kita tahulah keadaan traffic pada masa sekarang. Sungguhpun begitu jambatan yang dibuat 100 tahun yang lepas boleh mencukupi keadaan traffic pada masa sekarang. Itulah soalan saya, apakah pandangan jauh kita jambatan yang kita buat sekarang boleh menerima inflow dan outflow of traffic daripada masa sekarang untuk bila-bila masa. Bukan lanes yang saya maksudkan. I am not asking the ratio of the dual carriageway.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak buat satu-satu project yang boleh memberi khidmat kepada

satu masa bila-bila (forever) agak sukarlah sedikit. Dalam perkara ini projection dan kajian teliti telahpun dibuat oleh pakar-pakar perunding yang didasarkan atas keadaan yang sedia ada oleh Christiana Nelson iaitu sebuah syarikat perunding yang masyhur antarabangsa. Dan sebab sebarang kajian projection seperti ini dibuat di atas cara scientific dalam pengetahuan pakar itu, Kementerian ini menerima cadangan itu dan puashati dengan cadangan yang telah dibuat itu, oleh sebab dalam hal ini kita hanya menjalankan tugas dalam lengkongan kebolehan manusia sahaja, atau dengan lain perkataan: within the bound of possibility, dan oleh sebab itu cadangan yang dibuat oleh perunding itu telahpun diterima oleh Kementerian ini.

#### PEJABAT POS BARU KEPONG/ BATU CAVES

**11. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah bangunan-bangunan pos baru akan dibina masing-masingnya di Kepong dan Batu Caves bagi menggantikan bangunan-bangunan yang ada sekarang yang dibina dalam masa British dulu oleh kerana tempat-tempat dan keadaannya tidaklah sesuai lagi dengan masa sekarang.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan pejabat pos-pejabat pos baru bagi Kepong dan Batu Caves untuk menggantikan pejabat yang ada sekarang ini adalah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam pada itu pemindaan serta pembaikan yang besar telah dijalankan terhadap pejabat pos yang ada sekarang bagi menyesuaikan dengan keperluan pos di kedua-dua kawasan tersebut sehingga ianya diganti.

#### TANDAS-TANDAS AWAM KOTOR

**12. Tuan T. S. Gabriel** minta Manteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa tandas-tandas awam (public toilets) sangat kotor kerana tidak dibersihkan oleh pekerja-pekerja Jabatan Kesihatan setiap hari.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini dalam jawapan yang saya beri kepada Soalan No. 3 daripada Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt.

#### LIVE TELECAST TINJU ALI-BUGNER

**13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah bayaran yang didapati kerana perkhidmatan pemancaran terus satelit di Kuantan ke dunia luar atas perlawanan tinju Ali-Bugner yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Bila stesyen pemancar satelit di Kota Kinabalu akan memulakan perkhidmatannya.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, hasil pendapatan dari "Live Telecast" tinju Ali-Bugner pada 1hb Julai, ialah \$108,352.44. Jumlah ini termasuk sewa satelit dan litar-litar perhubungan yang berkaitan.

Sistem Satelit domestik antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timor dijangka siap pada akhir bulan Ogos, 1975 untuk perhubungan talipon dan talivisyen.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Dapatkah Menteri yang berkenaan ini memberitahu Dewan perlawanan tinju yang diadakan itu adakah memperoleh keuntungan atau kerugian?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu saya hendak bertanya dengan kompeni itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

#### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PENSTABILAN HARGA GETAH

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb Julai, 1975).

*Perbahasan disambung semula*

3.08 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, saya gemar menyentuh tiga tajuk yang telah dicakapkan oleh Menteri yang

berkenaan iaitu penstabilan harga getah, Majlis Penasihat Getah Negara dan Peraturan Pendaftaran Pengeluaran Getah.

Saya cuba hendak memberi ucapan ini dengan cara perlahan dan lambat oleh sebab saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sangat simpati hendak menggunakan bahasa Kebangsaan, dan dengan sebab itulah saya cuba bercakap itu dengan seberapa cermat dan lambat.

Dalam masalah menstabilkan harga getah dan juga pekebun getah, khasnya pekebun kecil memberikan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama, pegawai-pegawai dan Menteri yang berdaya-usaha bersungguh-sungguh untuk menstabilkan harga dan menjamin kedudukan negara-negara pengeluar getah asli. Daripada dahulu harga getah ini telah dimainkan atau diperkotak-katikan oleh negara-negara pengguna getah ataupun kuasa-kuasa besar dengan memonopoli pemasarannya. Dengan wujudnya rancangan Stok Penimbal Getah ini Malaysia dapat pula mengajak semua negara pengeluar getah asli menyokong rancangan ini bilamana harga getah telah stabil yang memberi faedah dan kecerahan hidup kepada pekebun kecil, maka dengan sebab itulah hasil negara ini akan bertambah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Walau bagaimanapun belum dapat kita laksanakan kuatkuasa Bil yang ada di hadapan kita, gemar saya memberitahu, misalnya pada saat yang akhir ini harga getah telah naik dengan baik dan saya harap kalau keadaan ini kekal sebagaimana yang ada sekarang, bersyukurlah pekebun-pekebun kecil kita dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan negara pengeluar getah asli adalah juga menghargai atas rancangan kita iaitu kita akan dihargai oleh pengeluar getah tiruan. Satu masa dahulu negara-negara pengeluar getah tiruan ini menjadi satu persaingan dan mendatangkan tekanan kepada negara-negara pengeluar getah asli. Tetapi saya nampak kesan ini baik; baharu-baharu ini Jepun telah memberikan satu contoh yang baik. Jepun sebuah negara pengeluar getah tiruan yang terbesar di dunia dan selalu mengancam pengeluaran getah asli kita, telah mengubah sikapnya mengajak negara pengeluar getah tiruan mengambil langkah supaya

melindungi negara-negara pengeluar getah asli dan memberikan kerjasama, bertukar-tukar pakar ahli teknik dan ahli sains.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya dibuat usaha yang konkrit iaitu hendaklah menyelaraskan sistem pemasaran getah Malaysia ini. Perlu sangat diadakan bagi membolehkan pedagang-pedagang luar negeri menubuhkan perniagaannya di sini beserta dengan pedagang-pedagang tempatan. Kita mengalukan Kerajaan Republic Rakyat China bersetuju menubuhkan perbadanan nasionalnya di Kuala Lumpur dalam yunit membeli getah dan menentukan tawaran belianya pada tiap-tiap tahun. Dan kita berharap juga dicarikan daya usaha supaya negara-negara lain seperti Russia, Prancis, Jerman dan lain-lain negeri pengguna getah supaya menggunakan getah sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan China itu dan dia akan dapat menjadi anggota pasaran getah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Majlis Penasihat Getah Malaysia, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan Ahli-ahli Majlis ini hendaklah ada wakil pekebun-pekebun kecil. Saya harap pada masa yang akan datang wakil pekebun kecil ini jangan diambil oleh Kementerian ini, hendaklah diambil wakil pekebun-pekebun kecil ini yang ditunjuk oleh Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil yang tunggal dalam negeri ini yang telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Tun supaya menubuhkan persatuan ini, kerana dengan adanya wakil-wakil yang ditunjukkan oleh persatuan ini dapatlah benar-benar mereka membela nasib pekebun-pekebun kecil kita dan menyampaikan hasrat-hasratnya kepada Kerajaan. Kita patut hormati bahawa pekebun-pekebun kecil dalam negara ini tidak kurang daripada 500,000 orang.

Majlis Penasihat ini hendaklah menasihatkan semua badan yang ada kaitannya dengan getah bila mana habis tempoh ahli-ahli yang ada sekarang dan badan-badan yang ada sekarang hendaklah digantikan dengan wakil-wakil yang ditunjukkan oleh Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil sebagaimana yang telah saya cakapkan kerana wakil-wakil yang ada sekarang, ia hanya sebagai sador sahaja, selalu merempunya membela ladang-ladang getah dan kadang kala dia tidak tahu mengenai hal-hal

pekebun-pekebun kecil. Yang anehnya, dia hendak duduk dalam Majlis itu dibayarkan yuran, buat satu persatuan, dia membanggakan dirinya sebagai wakil pekebun kecil, maka dengan sebab itulah pekebun kecil banyak keciwa pada masa yang lalu.

Majlis Penasihat ini hendaklah menasihatkan Majlis Pengeluaran Getah Malaysia menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam mesyuaratnya dan juga dalam persuratan, kerana selama ini Majlis ini menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat dan juga persuratan. Dan mereka memikirkan bahawa negeri ini belum merdeka lagi. Jadi dengan keadaan yang semacam ini sungguhpun kalau ahli-ahli Majlis tidak berupaya menggunakan Bahasa Kebangsaan, ada lebih baik kita simpan dia masuk dalam peti sejuk, dan kita gantikan dengan orang lain. Majlis Pengeluaran Getah yang saya sebutkan tadi termasuklah badan Pusat Penyelidikan Getah Asli, Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah, Pusat Makmal dan juga Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia, juga badan-badan tersebut hendaklah ada wakilnya daripada Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil seperti yang telah saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pendaftaran pengeluaran getah, gemar saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, satu peraturan yang sangat baik. Ini satu perubahan dan ini sangat mustahak kerana dari sini dapat kita ketahui jumlah hasil getah yang dikeluarkan oleh ladang-ladang dan juga pekebun kecil. Dan dari situlah pula dapat dikawal getah kita ini supaya tidak diseludupkan ke negara-negara jiran bila mana pasaran getah negeri ini mahal, kita dapati selalu diseludupkan. Dengan adanya pendaftaran ini maka satu kawalan dapat kita buat. Dan dapat pula melayan negara-negara pembeli getah asli dengan adil dan memuaskan, bila mana kapal-kapal membeli getah datang dan berlabuh di sini maka perlawanan harga telah berlaku dengan hangat, dan berebut-rebut kadang kala ada negara-negara menunggu berbulan-bulan dengan sebab mereka tidak dapat getah. Jadi dengan adanya kawalan, dengan adanya peraturan pendaftaran ini, kita akan dapat memberi pembahagian yang adil kepada negara-negara yang ingin membeli getah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ucapan saya ini melihatkan Kementerian ini bertungkus lumus pada mendatangkan harga getah yang stabil daripada pegawai-pegawainya hingga Menteri dan berjaya pula pada masa sekarang dan dapat sambutan dunia luar, maka menurut hemat saya patutlah kita memberikan satu gelaran yang luar biasa kepada Menteri Perusahaan Utama yang ada sekarang yang saya fikir patut kita namakan dia Raja Getah Asli Malaysia.

3.08 ptg.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah, oleh kerana bukan sahaja kehidupan berjuta-juta buruh dan keluarganya bergantung kepada harga getah malah flaktuasinya boleh dikatakan macam keadaan cuaca juga, tetapi ekonomi di bandar-bandar dan di kampung-kampung hingga negara kita pun adalah terlibat. Kestabilan harga getah ini sangatlah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di sini memberikan sedikit pandangan atas dua perkara sahaja. Dalam Fasal 3 (3) di mana Menteri yang berkenaan boleh melantik tidak lebih daripada 3 orang ahli tambahan untuk menjadi ahli Majlis Penasihat Negara bagi Penstabilan Harga Getah ini, saya sukacita mendengar Timbalan Menteri menyatakan adalah wakil pekebun-pekebun kecil akan dilantik dalam Majlis ini. Saya menyeru dan mengharapkan wakil daripada Persatuan Pedagang Getah (Rubber Trade Association) juga akan dapat diberi pertimbangan untuk dilantik menjadi ahli Majlis ini.

Dalam Fasal 4 dan 5 di mana satu stok getah akan diadakan dan dikawal. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tentulah telah menyedari kesulitan-kesulitan pedagang-pedagang getah khasnya peniaga-peniaga getah kecil dengan sumber modal pusingannya daripada pinjaman bahawa sebahagian modalnya terpaksa digunakan untuk membeli dan menyimpan stok getah ini. Dan juga kelebihan stok getah melainkan bilangan stok tertentu itu akan perlu disediakan untuk dijual atau diekspot apabila kapal pengangkutan getah tiba ke pelabuhan negara kita, kerana masa atau tarikh ketibaan kapal itu tidak tertentu. Kepada peniaga-peniaga kecil getah inilah, saya menyeru Yang Berhormat

Menteri, memberi pertimbangan kepada kerumitan yang akan mereka hadapi kelak selepas Akta ini dilulus dan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi.

3.20 ptg.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah yang sedang dibahaskan sekarang. Saya ingin menyampaikan tahniah yang tinggi kepada Menteri Perusahaan Utama kerana mengambil langkah yang pertama dan daya-usaha (initiative) bagi menubuhkan satu sekim untuk menstabilkan harga getah di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, getah adalah satu perusahaan utama di negara kita yang sangat besar, penting dan mustahak bagi ekonomi dan pencarian rakyat kita. Setelah sekim ini diumumkan dan dilancarkan beberapa bulan dahulu oleh Menteri tersebut, riaksi-riaksi daripada semua sektor perusahaan getah, terutamanya pekebun-pekebun kecil adalah sangat baik dan mendapat kerjasama dan sokongan penuh. Bill ini perlu disahkan untuk membuat peruntukan bagi penyelarasan, pelaksanaan dan pengawalan aktiviti-aktiviti yang perlu bagi penstabilan harga getah dan bagi maksud-maksud ini menubuhkan suatu majlis penasihat dan untuk membolehkan satu stok getah diadakan.

Di sini saya suka menyatakan bahawa yang pertamanya, berjaya atau tidak sekim ini bergantung ke atas sokongan dan kerjasama yang jujur, ikhlas dan tepat di antara Malaysia dengan negeri-negeri pengeluar getah seperti Thailand, Indonesia, Sri Lanka dan juga lain-lain negeri bagi mengujudkan satu perjanjian antarabangsa berkenaan dengan stok getah untuk menstabilkan harga getah.

Menteri Perusahaan Utama kita sudahpun pergi ke negeri-negeri tersebut dan mengadakan rundingan dengan beberapa buah negeri-negeri pengeluar getah tersebut dengan mendapatkan hasil yang baik. Kita berharap sekim ini boleh dilancar atau dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Selain daripada itu, satu faktor yang sangat penting patut diambil dan diberi pertimbangan berat oleh Menteri dan Kerajaan kita jika sekim ini untuk menstabilkan harga getah ini dapat mendatangkan hasil iaitu berkenaan dengan masalah persefahaman, kerjasama dan sokongan yang jujur

dan ikhlas di antara negeri-negeri pengeluar getah dengan negeri-negeri yang menyimpan dan mengguna getah khususnya seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Jepun dan lain-lain.

Seperti dimaklumkan, Amerika Syarikat adalah sebuah negeri yang ada simpanan stok getah yang paling besar, yang boleh mengawal harga pasaran getah dengan menambah atau mengeluarkan stok getah itu. Dengan itu harga getah menjadi turun atau naik. Ini mengakibatkan fluctuation atas harga getah dari semasa ke semasa. Keadaan ini sudah berulang-ulang dari semasa ke semasa dan tidak boleh diatasi. Saya bimbang dengan keadaan tersebut, jika tidak dapat persefahaman dan sokongan serta kerjasama dari negeri-negeri yang mengguna dan menyimpan getah dan jika boleh diadakan satu perjanjian antarabangsa atau satu sekim, kita takut sekim kita ini tidak akan berhasil dan memuaskan.

Yang kedua, berhubung dengan susunan satu Majlis Penasihat. Saya suka menyatakan juga ahli-ahli Majlis ini, perlu mengandungi semua sektor yang ada berkaitan dengan faedah perusahaan getah. Selain daripada wakil-wakil Kementerian dan pejabat-pejabat yang berkenaan, wakil-wakil dari sektor swasta seperti ladang getah, pekebun-pekebun kecil dan Persatuan Peniaga Getah patut diadakan supaya Majlis ini boleh dijalankan dengan licinnnya.

Akhirnya, seperti yang disebutkan oleh rakan saya, Datuk Dr Wee Khoo Hock tadi berkenaan dengan kesulitan kewangan atas setengah peniaga getah yang tidak mampu menyimpan stok getah kerana kekurangan modal, patutlah pihak yang berkenaan bertimbang rasa dan memberi kemudahan seperti pinjaman wang dengan faedah yang rendah.

Sekianlah sedikit sebanyak pandangan saya atas Bill ini. Sekali lagi saya memberi sokongan yang penuh untuk diluluskan.

3.30 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan terima kasih kerana peluang yang diberi kepada saya dalam perbahasan ini. Di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini sukacita saya menarik perhatian pihak Kerajaan iaitu sebagaimana telah sama-sama kita maklumi bahawa bukan

sahaja ekonomi rakyat negeri ini, bahkan juga ekonomi negara kita ini bergantung besar kepada hasil pengeluaran getah di dalam negara kita ini.

Masalah yang selalu kita hadapi, terutama dalam tahun 1974 yang telah lepas ini ialah rakyat di kawasan pendalaman yang punca hasilnya getah semata-mata, mengalami suatu keadaan iaitu keadaan cuaca yang tidak begitu baik akibat daripada terlampau banyaknya hari-hari hujan menyebabkan mereka tidak dapat menoreh getah. Walaupun pada biasanya tiap-tiap tahun petani-petani ataupun pekebun-pekebun getah kita dapat menoreh lebih daripada 50% dalam setahun, tetapi dalam tahun 1974 baru-baru ini kita telah mengalami satu keadaan yang paling merunsingkan yang mana kadar hari yang boleh mereka menoreh akibat hujan yang sentiasa turun di dalam kawasan tanahair kita sekarang ini, terutama di kawasan pendalaman telah menurun bawah daripada 50% dalam setahun. Masalah ini kalau kita lancarkan rancangan tanaman getah dengan benih-benih baka baik sekalipun, kalau pekebun-pekebun kita ini samada pekebun besar ataupun kecil mengalami keadaan sedemikian menyebabkan mereka tidak dapat menoreh, dan sebahagian besar daripada hari-hari yang patut mereka boleh menoreh mereka tidak boleh menoreh, menyebabkan hasil pengeluaran negara dalam masalah getah ini merosot dan juga hasil pekebun-pekebun itu sendiri pun merosot.

Saya rasa amatlah baik sekali kalau pihak Kerajaan dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat berikhtiar dengan adanya kemajuan sains dan teknologi kita, sebagaimana baru-baru ini kita pernah mendengar salah seorang daripada Menteri kita yang menyatakan bahawa untuk mengatasi keadaan banjir dan hujan, mereka telah berjaya mengebom awan supaya hujan boleh lari ke lain tempat, dan tidak mencurah di kawasan-kawasan yang didapati banyak pekebun-pekebun getah. Saya rasa kalau ini benar-benar berhasil dan benar-benar seperti apa yang dikatakan oleh salah seorang daripada menteri-menteri kita baru-baru ini tentang kejayaan sains dan teknologi seperti ini, maka saya rasa perkara ini tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh melakukan untuk kepentingan

ekonomi negara dan juga kepentingan ekonomi pekebun-pekebun kecil kita dalam masalah menghindari hujan-hujan ini mencurah di kawasan-kawasan pekebun-pekebun kecil dan juga ladang-ladang yang menjadi perusahaan utama bagi negara kita ialah getah. Kalau ini hanya cakap-cakap sahaja dalam kemajuan sains dan teknologi seperti ini saya rasa ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan, sebabnya saya tidaklah hendak membangkitkan banyak masalah dalam masalah ini kerana ini adalah hasil yang baik pada pandangan saya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah perusahaan getah yang mana pekebun-pekebun kecil selalu mengalami kesulitan ialah kurangnya pembeli-pembeli berlesen yang boleh betul-betul dikawal oleh Kerajaan oleh kerana kita dapati di kawasan-kawasan pendalaman ada kesulitan-kesulitan terutama sekali di kalangan bumiputra untuk mendapatkan lesen membeli dan menjual getah daripada petani-petani dan daripada pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan pendalaman. Jadi kalau pembeli-pembeli getah yang berlesen ini tidak dapat diberi kemudahan untuk mendapatkan lesen mereka menjalankan tugas membeli dengan mengikut peraturan yang disyaratkan oleh pihak Kerajaan di kawasan-kawasan pendalaman dan mereka akan terlibat kepada mangsa orang-tengah yang membeli secara black market, membeli tanpa lesen, tanpa kawalan. Mereka akan terlibat dengan keadaan penipuan kati, penipuan daging dan juga penipuan harga yang sebenar mengikut harga pasaran pada hari itu. Untuk mengatasi masalah ini suatu cara yang memudahkan terutama sekali peniaga-peniaga bumiputra di kawasan-kawasan pendalaman mudah dapat lesen untuk membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil. Itulah dua masalah yang saya kemukakan iaitu pertama hasil kejayaan sains dan teknologi kita moga-moga akan dapat dilaksanakan untuk kepentingan bagi mengelakkan curahan hujan yang begitu kerap dalam kawasan-kawasan ladang getah dapat kita alihkan ke kawasan lain ke laut umpamanya ataupun ke hutan rimba yang tidak ada ladang getah. Dan yang keduanya ialah memudahkan peniaga-peniaga kecil kita, terutama di kalangan bumiputra untuk mendapatkan lesen membeli getah di kawasan-kawasan pendalaman

demi untuk menjaga kepentingan dan melihat pekebun-pekebun kecil kita dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

*3.38 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan, dan inilah pandangan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana telah dapat memberitahu dunia yang Malaysia ini kaya dengan getah asli dan tidak mahu lagi dikotak-katikkan mutunya dan harganya sebagaimana yang telah lalu, melalui beberapa saluran baru sampai kepada kita. Begitu juga dengan adanya penstabilan harga getah ini orang-orang kampung yang inilah penghidupannya menoreh getah dari kebun yang seluas 3 atau 4 ekar. Sungguhpun begitu, saya masih merasa ragu-ragu lagi samada harga getah ini akan turun-naik atau akan turun lagi. Pada masa ini harga getah ada naik sedikit, tetapi harga barang-barang makanan masih mahal lagi, pendapatan hasil getah tidak dapat menampung atau mencukupi untuk membeli barang-barang makanan dan pakaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong juga untuk menubuhkan Majlis Penasihat ini, tetapi apa yang saya harap wakil-wakil yang dilantik kelak benar-benar menumpukan masanya dan fikirannya untuk hal ini sahaja, kerana ada juga pegawai-pegawai Kerajaan di satu-satu Jabatan itu bermacam-macam tanggungannya. Kita tahu hasil getah satu hasil yang besar sekali di negara kita. Jadi, kita mahu Majlis Penasihat ini itu sahajalah kerjanya iaitu memikirkan bagaimana di tiap-tiap ladang atau pekebun-pekebun kecil akan dapat mengeluarkan susu yang banyak, mutu yang elok dan harga yang mahal. Sekali naik harga kita tidak mahu lagi turun harganya; seperti sekarang, sekejap naik, sekejap turun. Saya juga berharap pada Majlis Penasihat itu akan mencari banyak negeri-negeri yang akan membeli getah kita, jangan memandang kepada negara-negara yang sudah membeli sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pandangan saya, Kerajaan kita patut juga membuat research supaya getah kita ini boleh dijadikan minyak motokar, kerana minyak

motokar pada masa ini terlampau mahal harganya di negara kita ini, kalau ada minyak motokar dari getah kita sendiri akan menjatuhkan harga minyak motokar dan semua orang dalam Malaysia ini memakai motokar. Kita tidak cukup dengan membuat tyre motokar dari getah sahaja. Kalau boleh tayar, kasut, tilam, bantal, permainan kanak-kanak dibuat dari getah dan dijual di sini dan juga dieksport ke negeri lain. Inilah pandangan saya, saya menyokong Bil ini dan saya harap segerakanlah penubuhan Majlis Penasihat ini dengan memilih orang-orang yang bekerja betul untuk menjalankan tugas ini.

*3.42 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini yang mana ini adalah satu Rang Undang-undang yang baik sekali untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di atas Rang Undang-undang ini berkenaan dengan negeri yang mengeluarkan bahan-bahan mentah. Negeri-negeri yang mengeluarkan bahan-bahan mentah adalah kebanyakannya terdiri dari negeri-negeri yang telah dijajah oleh penjajah dahulu seperti kita ini. Penjajah-penjajah dahulu berkehendakkan raw material ataupun bahan-bahan mentah untuk dibawa ke England ataupun dibawa ke Amerika. Di sana mereka mengadakan kilang-kilang yang banyak supaya anak negeri mereka dapat bekerja dengan banyaknya dan kemudian menjual balik ke negeri jajahan mereka supaya mendapat keuntungan yang lebih untuk kemewahan-kemewahan mereka yang duduk di negeri itu. Bukan sahaja getah, tetapi benda-benda lain. Dahulunya tidak banyak oil palm. Oil palm juga ditanam dengan banyaknya, kemudian dibawa dengan kapal ke England, ke Eropah dan sebagainya untuk diproses di sana dan kemudian dihantar ke tanah jajahan atau undeveloped countries seperti negeri-negeri Africa. Jadi selalunya negara-negara seperti negara kita yang sedang membangun ini, kita terus hendak membangun, tetapi iktisad kita terus dipegang oleh orang, sebabnya negeri kita bukanlah sebuah negeri industri. Bahan-bahan kita terpaksa dijual ke negeri asing dengan sebab itu harganya adalah terkong-kong. Tetapi negeri-negeri ini telah sedar terutama sekali negeri-negeri Arab yang dahulunya difikirkan oleh orang iaitu Arab

ini satu bangsa yang berpecah-belah, satu bangsa yang mundur, satu bangsa yang dikatakan porak-peranda. Negeri yang kaya seperti negeri-negeri Arab menjadi negeri-negeri yang papa oleh kerana penjajah-penjajah kulit putih ini mengorek minyak negeri Arab, dijualnya dengan mahal ke Eropah, kepada Arab tidak ada apa-apa untungnya.

Baru-baru ini kita tahu iaitu Arab telah celik matanya, Arab telah sedar, negeri Arab telah berkumpul dan juga bersama-sama dengan negeri-negeri pengeluaran yang lain. Pada hari ini kita dapati iaitu harga minyak telah melambung tinggi, maka negeri-negeri yang dikatakan negeri-negeri yang moden, negeri-negeri yang maju cuba hendak menekan negeri-negeri ini. Ini adalah satu example yang terang dan nyata iaitu negeri yang membangun setiap masa hendak menekan negeri-negeri yang lemah seperti negeri kita ini. Ini adalah pura-pura sahaja untuk mereka ini hendak menolong kita. Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu example yang terang dan nyata bagaimana Arab telah bersatu-padu dengan negeri-negeri yang lain yang mengeluarkan minyak. Kita juga, saya telah bercakap dahulu iaitu masa itu diketawakan oleh orang. Saya berkata, negeri-negeri yang mengeluarkan getah juga patut berbuat demikian, boleh juga bersatu-padu di antara negeri-negeri yang mengeluarkan getah, negeri-negeri yang mengeluarkan bahan-bahan mentah begini bersatu-padu kemudian kita tetapkan harga kita, secara mana yang kita boleh buat seperti adakan stockpile, kita simpan kemudian kita keluarkan sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dua tiga tahun dahulu bagaimana harga getah kita telah merosot, sungguh merosot, sampai satu kati cuma harganya 25-30 sen sahaja. Apa sebab-sebabnya merosot ini? Bukanlah kehendak yang dikehendaki oleh anak-anak negara kita yang getahnya ditoreh daripada pukul 5 pagi, keluar rumah bawa pisau getah, anak didokong di belakang oleh setengah-setengah perempuan dengan membawa pelita, tidak peduli nyamuk cuma dapat 25-30 sen sahaja sekati. Bukan kerana mereka, tetapi oleh kerana tekanan-tekanan penjajahan ini, tekanan-tekanan imperialis tadi, tekanan-tekanan daripada Amerika terutama sekali iaitu stockpile Amerika. Kononnya, Amerika menjadi champion untuk mengganyang kominis. Saya fikir, Amerika ini juga berke-

hendakkan kita menjadi kominis oleh kerana kalau stockpilenya dikeluarkan dengan banyak, maka sudah tentu di sini huru-hara kehidupan orang-orang yang memotong getah, Kerajaan kita tidak boleh stable. Dengan sebab itu, barangkali oleh kerana mereka fikirkan kita tidak boleh berdiri sendiri, mengharapkan Amerika sahaja di atas perkara getah ini, maka kita terpaksa berunding di antara negeri-negeri yang mengeluarkan getah, maka dengan sebab itulah Menteri yang bertanggungjawab ini telah membuat satu undang-undang dan undang-undang ini bukan sahaja mesti dibuat di dalam negeri Malaysia ini, bukan sahaja Rang Undang-undang ini ditayangkan kepada kita dan kita bersetuju, tetapi juga negeri-negeri yang mengeluarkan getah mesti mengikut contoh yang serupa dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini, akan dibincangkan di Parlimen-parlimen negeri yang lain juga. Kalau tidak begitu maka apa yang kita buat pada hari ini akan gagal semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini. Pekebun-pekebun kecil ini yang dikatakan lebih daripada 60% daripada tanah-tanah getah adalah dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil dan 40% daripada estet-estet yang besar, tetapi Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau saya salah boleh dibetulkan, memandang lebih hebat lagi, memandang lebih tinggi lagi kepada estet-estet yang besar-besar ini; estet-estet yang besar dipandang lebih tinggi lagi, oleh kerana estet-estet yang besar ini ada Association of Rubber Estates. Estet-estet yang besar adalah kepunyaan capitalists yang besar iaitu seperti Dunlop Estate. Dunlop Estate bukan sahaja menoreh dan mengeluarkan getah, tetapi juga mempunyai kilang-kilang yang besar di Birmingham, mengeluarkan tyres, bukan sahaja tyre kapal terbang tetapi juga yang besar rumah ini pun ada—ini elaborate sahaja, tetapi kecil sedikit daripada itu (*Ketawa*). Dan juga di negeri kita pun ada Dunlop.

Pada satu masa dahulu tidak boleh orang lain membuat tyre melainkan Dunlop sahaja, nasib baik ada satu lagi iaitu orang Amerika membuat tyre. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan pekebun-pekebun kecil ini menghantar lebih banyak lagi perwakilannya. Ini pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai Kerajaan bagus juga. Ada di sini

yang menunjukkan satu wakil daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Utama, sebagai Pengerusi, bagus. Seorang wakil dari Perbendaharaan Malaysia, bagus. Seorang wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, bagus. Ini semuanya orang yang berkelulusan tinggi dan berpangkat tinggi, bagus. Seorang wakil dari Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, bagus. Kelulusannya sangat bijak, bagus. Seorang wakil dari Bank Negara Malaysia bagus juga sebab wang banyak dipegangnya. Seorang yang mempunyai pengalaman dalam perusahaan getah yang dilantik oleh Menteri, pun bagus juga. Tetapi nombor (3), Tuan Yang di-Pertua, "(3) Menteri boleh melantik tidak lebih daripada tiga orang ahli tambahan untuk menjadi ahli Majlis." Ini yang penting sekali dan ini mestilah datangnya daripada orang-orang yang betul-betul penoreh getah, sebab mereka ini tahu susah dan mereka ini tahu bagaimana susahnya menoreh getah. Bukan seperti estet-estet yang besar-besar, dia mempertahankan dan memperkukuhkan kedudukannya sebab ada kaitan dengan yang saya katakan tadi, dengan England tetapi ini tidak ada kaitannya dengan yang lain. Mereka ini hendak hidup yang lebih senang lagi. Pekebun-pekebun kecil kita sungguhpun kita mengatakan tanam semula dan sebagainya, memang ada perubahan selepas kemerdekaan, tetapi kalau kita melawat ke kampung-kampung kita, bagaimana kehidupan mereka pada hari ini oleh kerana kemelesetan harga sekarang. Dengan sebab itu, mereka ini berkehendakkan harga yang lebih mahal dan lebih elok lagi. Mereka inilah yang sesuai betul duduk di sini dengan lebih ramai lagi. Jangan difikirkan orang yang mempunyai ladang-ladang yang besar ini sahaja. Ini perkara yang penting dan mestilah dipertimbangkan oleh Kementerian ini.

Selain daripada itu berkenaan dengan getah tiruan dan juga getah asli. Jikalau ada kata sepakat maka saya fikir oleh kerana harga minyak telah melambung tinggi dan getah tiruan yang bahan mentahnya daripada minyak, maka tentu sekali harga getah tiruan ini pun melambung tinggi juga. Dengan hal yang demikian, getah asli ini pada suatu hari yang akan datang dengan adanya pertubuhan begini akan dapat orang-orang kampung, terutama sekali orang-orang yang menoreh getah menikmati harga yang lebih stabil daripada hari yang lalu. Di sini saya hendak

menegur sedikit berkenaan dengan Fasal 5 (e) melarang atau mengawal penggunaan kimia-kimia dan lain-lain benda. Lain-lain benda ini tidak tahu apa bendanya, boleh jadi jikalau kita kahwinkan getah kita ini dengan getah yang lebih baik lagi dan mengeluarkan hasil yang banyak. Ini pun benda juga. Saya fikir benda-benda ini seperti getah cantum itu juga. Jadi benda inilah yang terpaksa "melarang atau mengawal penggunaan kimia-kimia dan lain-lain benda yang menggalakkan pokok-pokok getah mengeluarkan susu". Pandangan saya dan saya bukannya arif di dalam undang-undang (law). Kalau disekat getah ini mengeluarkan susu apa gunanya kita buat research di Kepong, apa gunanya kita buat research di Ampang, jikalau dilarang untuk mengeluarkan susu dan benda-benda ini. Jadi "melarang atau mengawal penggunaan kimia dan lain-lain benda yang menggalakkan pokok-pokok getah mengeluarkan susu." Jangan keluarkan susu, tanam pokok getah yang mengeluarkan hasil satu ekar 100 pound sahaja, tidak usah 2,500 pound atau 3,000 pound satu ekar seperti yang kita dapat hari ini. Itukah tujuannya? Jadi kalau tidak diertikan dengan sebenarnya maka kita dapati perkara ini adalah sedikit menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, di dalam soal-jawab pada hari kelmarin saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan research-research station. Research-research dibuat di negeri kita ini di beberapa tempat termasuk di Kepong dan Ampang. Bagus kita membuat research oleh kerana kalau kita hendak maju hendaklah dibuat research supaya getah kita boleh dibuat mas satu hari nanti, mana tahu. Tetapi yang saya tidak bersetuju, sungguhpun jawapannya terpaksa dijawab oleh Menteri tetapi jawapan itu samada bersetuju atau tidak bersetuju itu lain. Dia bersetuju atau tidak bersetuju itu lain. Tetapi ini adalah fact. Di waktu penjajah dahulu, di waktu diperintah oleh orang lain dahulu, Tuan Yang di-Pertua faham, iaitu negeri ini kebanyakannya adalah estet yang besar-besar di mana belum ada lagi rancangan FELDA, Rancangan-rancangan Pinggir yang dapat digalakkan iaitu terutama sekali orang Melayu diberi tanah dua ekar seorang; dua ekar seorang itulah disuruh menanam getah supaya orang Melayu ini boleh dapat makan sahaja, asal perutnya kenyang sudahlah. Itu tujuan Inggeris dahulu. Dengan sebab itu, apabila

getah-getah ini ditanam dengan banyaknya, orang putih, yang saya katakan itu termasuk orang Amerika orang putih juga, Perancis pun orang putih dan kalau hendak dikatakan pun panjang sangat iaitu orang putih dan jangan dikata orang England sahaja.

Di England dibuat research station dan rubber centre ini pun diletak di England juga, marketnya di England, research untuk apa dibuat daripada getah ini pun di England, sebab perkara ini berlaku sebelum merdeka. Saya tidak hendak walaupun banyak research ini dibuat di England kalau bagus tidak mengapa, tetapi saya tidak mahu rubber cess daripada pekebun-pekebun kecil, wang yang kita potong daripada rubber cess ini dihantar ke England, dihantar ke sana untuk membuat research. Saya tahu juga untuk orang-orang di sana senang contact, apa kegunaan getah ini. Pada hari ini ada elektronik, orang telah pergi ke bulan, contact dengan talipon dari sini ke England lebih senang kita bercakap dan lebih terang lagi kita bercakap daripada dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya. Tidak menjadi soal dan wang rubber cess kita itu tidak pergi ke sana. Saya harap satu masa yang akan datang, ini bukanlah untuk mencerca, boleh jadi Menteri yang bertanggungjawab nanti berkata saya tidak betul, mencerca; ini adalah untuk faedah negeri kita oleh kerana saya seorang warganegara Malaysia yang tidak hendak mati di tempat lain dan saya akan mati dan hidup di sini. Saya sayang kepada negeri saya, dengan sebab itu saya berkehendakkan wang ini hendaklah dipakai di sini dan dibuat research di sini. Dan kalau kita dapat research di sini kita boleh beri keutamaan kepada bangsa kita dahulu. Ini dia. Boleh buat dan buat di sini dahulu daripada di sana, kalau mereka buat di sana dahulu siapa yang dapat pendapatan daripada getah ini? Jadi dengan sebab itu, ini bukanlah mengata dan mengkeritik—tidak, tetapi ini adalah pandangan saya supaya dapat pembelaan-pembelaan yang lebih lagi untuk Malaysia masa akan datang.

Selain daripada itu, saya hendak bercakap cuma sedikit sahaja berkenaan dengan getah ini iaitu pada masa dahulu kebanyakan daripada pekebun kecil telah tertipu oleh orang-orang putih. Pekebun-pekebun kecil pada masa dahulu disuruh tanam getah, lalu mereka tanam tanpa periksa. Dikatakan ini benihnya dan ditanam benih itu. Pada masa dahulu disuruh orang kampung membeli

benih getah dengan akar-akarnya sekali. Dikatakan inilah benih getah yang baik, inilah selected clones, dikatakan inilah yang bagus, belilah dengan harga 25-50 sen sebatang getah itu. Tetapi benih ini mestilah apabila dibeli daripada Jabatan Pertanian ataupun pihak yang bertanggungjawab, dijamin iaitu betul-betul bagus.

Pada masa yang lalu apabila ditanam oleh pekebun kecil menjadi rungutan orang-orang kampung. Apa yang didapati, getah yang ditanam yang dibeli tadi, yang dikatakan benih yang baik, sebenarnya adalah getah-getah yang dipungut daripada biji getah yang gugur, dipungut kemudian dijual kepada orang-orang kampung oleh konterekter yang hendak mencekik orang-orang kampung. Perkara ini mestilah disiasat dan mesti diperbaiki semula. Saya mengemukakan perkara ini bukanlah cakap-cakap kosong, tetapi ini adalah perkara sebenarnya berlaku. Jadi kalau sesiapa juga pekebun kecil yang mendapati pokok getahnya tidak mengeluarkan hasil yang banyak, oleh sebab penipuan konterekter itu, maka Kerajaan terpaksa memberi wang semula atau gantirugi kepada mereka untuk menanam semula getah itu supaya mereka boleh mendapat hasil yang lebih baik lagi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

4.13 ptg.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang. Oleh kerana ianya ada sedikit teknikal, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Before I start, Sir, on my main remarks, I feel that a few answers to the attack on the large estates by my rakan Raja Datuk Nong Chik are called for. I do not know whether he is aware that from December, 1973 until April, 1974 when the Government called for restricted outputs, the smallholders' fall in crop was 23,000 odd tons and that of the large estates 58,000 tons. Actually, the area under smallholdings is larger than the area under large estates. But we at the request of the Government stopped tapping for a week in December, a week in January and all Sundays.

He also mentioned about the Research Station in England. I would like to mention to the Honourable Member, my friend Raja Datuk Nong Chik that it was probably established before he was born. Certainly, the R.R.I. was established in 1925 and in October this year it is going to celebrate its 50th anniversary and I am proud to say, Sir, that I was here before the R.R.I. was started.

Sir, I would now like to deal with the points in the Bill. In supporting the Bill before this Honourable House, I have certain doubts and misgivings. My main worry is that Malaysia in carrying out all the measures necessary for the stabilisation of the price of rubber may be left "carrying the baby"—to use a modern expression—if the other countries in the Association of Natural Rubber Producing Countries—A.N.R.P.C. for short—do not control and restrict their producers and traders. I am speaking from experience as I was a senior Rubber Regulation Officer from 1934 until the Japanese invasion of Malaya in the Rubber Restriction Scheme known as the Individual Producers (Output Assessment) Scheme. This Rubber Regulation Scheme, which ran from 1934 to 1940, should not be confused with the Stevenson Scheme which was imposed in the then British Empire only in 1928. Should the other countries in the A.N.R.P.C. be unable to impose properly control of output and arrange for a suitable stockpile, Malaysia's sacrifices will be in vain.

Also, I am not as satisfied as others that synthetic rubber no longer poses a threat, as Russia, which has her own oil wells, is offering cheap synthetic rubber, Cis-Polyisoprene in Europe. In fact, I understand that Russia is now selling this product to France and in another year or so will be in a position to put one million tons of Cis-Polyisoprene on the market as she needs the foreign exchange and she can value the oil at whatever price she considers suitable. America could also do the same thing.

I trust the Deputy Minister will consider carefully the points that I have raised. On 8th September, 1972, I had urged the Government in this Honourable House and, with your permission, I would like to quote from the *Malay Mail* of Friday, September 8, 1972:

“Government control urged on use of latex stimulants to check over-production.”  
A Senator . . . . .” etc.

Action on this matter was taken only some two years later as part of the stabilisation programme.

In conclusion, Tuan Yang di-Pertua, I fully support the Bill as a Malaysian who has completed over half a century in the rubber industry from 1922 to 1972 and I would do all I can to assist the Government and the rubber industry, of which I represent the Rubber Producers' Council. Also, I would do everything I can to help the Government impose this programme.

4.08 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya tidak hendak campurtangan mengenai perbalahan ataupun perbincangan yang dibuat oleh seorang tuan estet dengan smallholders di sebelah sana (*Ketawa*). Tetapi apa yang patut kita bincangkan pada hari ini ialah satu Rang Undang-undang yang Kerajaan berikhtiar untuk menstabilkan harga getah ataupun menetapkan harga getah supaya dapat menyelamatkan negara kita daripada ekonominya merosot dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan getah ini samalah seperti perniagaan-perniagaan lain. Apa yang kita mahu ialah harga getah kita berharga mahal dan tinggi. Yang menjadi kemusykilan kita ialah negara-negara luar membeli getah lebih murah daripada pasaran di England, di New York dan di Singapura daripada harga yang didapati di Malaysia sendiri. Apa yang saya tahu sebab-sebabnya ialah dua perkara yang besar.

Yang pertama, ialah kerana penjual getah di London, New York dan Singapura menjual getah dengan cara kredit, memberi hutang dengan masa yang panjang kepada pembeli-pembeli getah di luar negeri.

Yang kedua, barangkali kerana pertukaran wang Malaysia di luar negeri, umpamanya, pertukaran wang kita ini murah berbanding dengan wang daripada negara yang membeli itu.

Dua faktor ini adalah satu perkara yang besar. Kita telah pindahkan pasaran getah kita daripada Singapura ke Kuala Lumpur dan kita telah jadikan negara kita ini satu negara yang memasarkan getah, tetapi mereka yang ada di luar negeri lebih suka membeli getah daripada London, New

York, dan Singapura, tidak daripada Kuala Lumpur. Ini satu masalah yang boleh dikatakan memalukan kita, kerana negara kita pengeluar yang terbesar dalam dunia tidak dapat menjual getah dengan secara langsung kepada negara-negara yang membeli getah. Ini satu masalah yang besar. Saya tahu sebab saya pernah beberapa tahun dahulu pergi ke Italy (Rome), kita ada pegawai di Rome untuk menjual getah, untuk berusaha mendapatkan pasaran getah, tetapi pengusaha-pengusaha di Italy membeli getah daripada London, bukan daripada Kuala Lumpur. Kita ada pegawai di merata dunia untuk menjual getah tetapi kita tidak menjual getah secara terus kepada negara-negara yang berkehendakkan getah. Ini adalah satu ikhtiar yang patut dibuat selain daripada kita mengadakan stockpile sendiri ataupun pakatan negara-negara pengeluar getah untuk mengadakan stockpile itu. Kita mesti membaiki juga kedudukan susunan penjualan getah kita sendiri supaya kita dapat menjual getah secara langsung kepada negara-negara yang berkehendakkan kepada getah itu. Kita tidak mahu dipermainkan oleh orang-tengah yang ada di London, di New York ataupun di Singapura. Sehingga hari ini kita belum lagi dapat menghapuskan permainan peniaga-peniaga ataupun pengeksport-pengeksport getah yang ada di Singapura yang mempermainkan penjualan getah dengan secara jualan kertas yang dipanggil "paper rubber", walaupun kita telah pindahkan pusat pemasaran getah daripada Singapura ke Kuala Lumpur, tetapi kita tidak dapat menghapuskan permainan yang dipermainkan oleh peniaga-peniaga getah di Singapura.

Faktor-faktor yang seumpama ini patut diteliti oleh Kerajaan dan difikirkan bagaimana usaha yang patut diperbuat, sebab kalau sekiranya kita mengadakan satu stok penimbal getah sahaja, tetapi harga getah tidak dapat kita jual dengan harga yang baik, saya rasa kita perlu kepada pasaran yang banyak, kita perlu kepada harga yang tinggi sebab kita sebagai negara pengeluar. Kalaulah boleh kita tidak mahu menahankan pengeluaran getah yang begitu banyak dalam negara kita ini tak usah gunakan ubat, keluarkan seberapa banyak supaya dapat kekebum-kekebum kecil kita boleh menjualkan getah dengan harga yang mahal, tetapi

apa boleh buat kerana kita terpaksa menghadapi ancaman-ancaman dalam pemasaran getah ini.

Saya rasa perkara yang besar yang patut Kerajaan memikirkan sebagaimana kata Datuk Crawford tadi, Senator yang di sebelah saya ini, sejauh mana kesanggupan, kesetiaan pakatan untuk menahankan pengeluaran getah supaya dapat distabilkan harga. Kalau kita dapat menahankan peniaga-peniaga dan pengeluar-pengeluar getah di Malaysia ini supaya berhenti menoreh satu hari dalam seminggu umpamanya, tetapi adakah pengeluar-pengeluar getah di Ceylon dapat dikawal, kerana Negeri Ceylon ini, maaf, kerana terpaksa saya katakan, satu negeri yang miskin berbanding dengan Malaysia. Pengeluar-pengeluar getah di Ceylon kalau boleh hendak toreh getah daripada pokok sampai ke pucuk kerana hendak mengeluarkan semua susu getah itu supaya dapat wang seberapa banyak. Begitu juga pengeluar-pengeluar getah di Indonesia yang mengeluarkan getah dengan tidak kira mutu pun, seberapa banyak getah boleh dikeluarkan hendak dikeluarkan. Sejauh mana kekuatan Kerajaan mereka untuk mengawalkan, untuk menjangakan supaya pengeluar-pengeluar getah di kedua-dua negara ini dapat menyesuaikan dengan kehendak perjanjian yang akan kita buat itu. Kalaulah sekiranya mereka tidak dapat mengawalkan, kita sahaja mengawal, apa yang saya takut ialah kita merosot dan mereka mendapat wang yang lebih. Mereka akan menjual getah kepada dunia luar dengan banyaknya, kita asyik menjaga kerana hendak menyelamatkan perjanjian yang kita buat ini supaya sesuai dengan kehendak perjanjian, supaya patuh kepada perjanjian, sebab saya tahu negara kita ini ialah sebuah negara yang jujur, sentiasa berpegang kepada perjanjian. Kalau bekerja sentiasa mengikut tata-tertib, pegawai-pegawai kita sangatlah jujur dalam bekerja itu, jaga sangat peraturan dan undang-undang. Kalau undang-undang kata jangan keluarkan getah banyak, dia sekatkan getah. Di Indonesia tidak kira, berapa banyak getah dia boleh keluarkan dia tak kira undang-undang, dia lompat segala undang-undang itu untuk mendapatkan wang, begitu juga di Ceylon. Jadi keadaan kedua-dua negara yang berhampiran dengan negara kita ini kita belum tentu lagi dapatkah mereka mengawal bagaimana yang kita boleh

mengawal dalam negara kita ini. Ini satu perkara yang besar yang menjadi perkara utama bagi kita memikirkan, tetapi Kerajaan kita boleh membuat cubaan kerana ini satu ikhtiar yang baik dan kesanggupan telah kita terima daripada negara-negara yang seumpama ini, maka kita boleh ikhtiarkan, Menteri kita telah pergi ke negara-negara ini bercakap, berunding dan mereka sanggup, maka kita buat. Tetapi dalam kita menjalankan patutlah kita berjaga-jaga, kita mengawasi supaya perkara ini tidak akan berlaku supaya kita tidak akan rugi. Ini perkara yang besar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak apa yang patut diusahakan dengan seberapa besar yang boleh oleh Kerajaan ialah membanyakkan kilang getah S.M.R., kilang getah yang memasak getah supaya dapat dikeluarkan getah separuh masak apa yang dipanggil dengan S.M.R. ini. Pada masa ini Kerajaan kita telah menubuhkan satu perbadanan ataupun syarikat yang dinamakan Malaysian Rubber Development Corporation (M.R.D.C.) yang diberi modal untuk membinakan kilang-kilang di merata tempat dan getah-getah yang diproseskan dalam kilang ini akan dikeluarkan dengan separuh masak dan mendapat sambutan yang baik di pasaran dunia. Saya rasa tumpuan kita yang besar adalah lebih baik kepada penubuhan kilang-kilang ini, pembebaran aktiviti-aktiviti perbadanan yang kita tubuhkan ini. Kita harus memberi modal yang lebih kepada syarikat ini, memberi segala facility yang lebih kepada syarikat ini supaya syarikat ini dapat membinakan kilang ini di mana juga mahupun kebun kecil ataupun estet dan sebagainya yang cukup bagi pengeluaran kilang. Kita banyakkkan kilang yang boleh mengeluarkan getah separuh masak ini dan kita berusaha supaya perbadanan ini mendapat tempat dalam pasaran dunia. Setahu saya perbadanan ini telahpun mengadakan wakil di merata tempat, di beberapa negeri yang besar-besar. Kita harus adakan wakil di Peking umpamanya, kita harus adakan wakil di Tokyo, di Jepun, kita harus adakan wakil di mana negeri-negeri yang berkehendakkan kepada penggunaan getah dan memberi kesedaran ataupun pertunjukan latihan bagaimana getah ini boleh digunakan di negara-negara yang berkenaan.

Saya bimbang daripada usaha Kerajaan ini satu lagi ialah tentang modal hendak menyimpan (stock) getah ini. Hari ini Kerajaan

membeli getah daripada Tabung Pembelian Getah yang dibuat oleh Kerajaan daripada orang kampung dan Kerajaan menyimpan getah itu. Kita tidak tahu banyak mana yang telah dibeli dan banyak mana telah disimpan, banyak mana yang dibeli daripada orang kampung dan banyak mana getah-getah yang dibeli oleh Kerajaan yang disimpan di dalam stok-stok Kerajaan dan bagaimana susunan pembelannya. Adakah susunan ini satu susunan yang kekal ataupun satu susunan yang sementara yang akan diambil alih oleh perbadanan-perbadanan lain, iaitu perbadanan-perbadanan Kerajaan untuk membeli getah, ataupun satu masa akan dihapuskan begitu sahaja tidak akan dibeli lagi oleh Kerajaan dan diambil alih oleh pembeli-pembeli getah yang akan diperlesenkan dengan disyaratkan supaya menyimpan stok di bawah undang-undang ini. Ini kita belum dapat penerangan daripada Kerajaan.

Saya rasa sebagaimana saudara saya, Datuk Dr. Wee Khoo Hock daripada Kelantan bercakap tadi masalah hendak menyimpan getah ini adalah satu masalah besar. Ia berkehendakkan kepada satu modal yang banyak dan berkehendakkan kepada satu tempat (storage) yang cukup untuk menyimpan getah itu dan ini perlulah kepada peniaga-peniaga yang besar-besar yang boleh menjalankan perniagaan yang seumpama ini.

Saya bimbang kalau sekiranya ada bumi-putra-bumiputra yang diberi lesen untuk berniaga getah yang modalnya kecil yang hari ini cuma bergantung kepada Lee Rubber, itu pun tidak sampai kepada Lee Rubber. Mengikut apa yang saya tahu seorang bumiputra yang berniaga getah ada mempunyai lesen getah, tetapi wang pembelian getah itu didapati daripada modal yang diberi pinjaman oleh pelesen yang ada di bandar dan pelesen yang ada di bandar itu beli tidak lebih daripada \$2,000 ataupun \$3,000 dan getah itu hendaklah diserahkan kepada pelesen yang ada di bandar itu dan daripada pelesen di bandar inilah akan dihantar getah itu kepada Lee Rubber ataupun kepada pengeksport yang lebih besar. Jadi bagaimanakah syarat-syarat pelesenan ini? Adakah umpamanya pelesen yang di kawasan luar bandar ini pun mesti menyimpan getah? Kalau mereka mesti menyimpan getah maka mereka juga terlibat dalam kewangan juga untuk mendapatkan modal menyimpan getah yang begitu banyak. Kalau sekiranya tidak perlu mereka menyimpan getah maka pelesen di bandar itu

menyimpan getah ataupun pengeksplot akan menyimpan getah, mana seorang yang akan menyimpan getah mengikut syarat di bawah undang-undang ini? Ini perlulah mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan. Kalau boleh biarlah pelesen-pelesen kecil yang ada di kawasan luar bandar itu tidak perlu menyimpan getah. Mereka boleh beli getah dan boleh jual getah kepada pengeksplot dan pengeksplot yang mempunyai cawangan di bandar-bandar itulah yang dimestikan menyimpan stok yang dikehendaki oleh Kerajaan. Ini adalah boleh menyenangkan sedikit kepada pelesen-pelesen kecil yang ada di merata negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah pekebun kecil. Masaalah peniaga getah ini adalah masaalah besar, masaalah yang menyentuh ekonomi negara, masaalah yang menyentuh ekonomi rakyat di kampung dan ia juga melibatkan berkenaan dengan penyelidikan dan sebagainya. Maknanya kalau sekiranya kita silap buat sesuatu, maka kesilapan itu akibatnya besar kepada ekonomi negara kita. Ini perlu mendapat teguran, perlu mendapat pandangan, perlu mengkaji tiap-tiap pandangan yang diberi oleh ahli-ahli peniaga getah, oleh ahli-ahli perusahaan getah dan oleh tiap-tiap anggota yang ada interest di dalam masaalah ekonomi di dalam negara kita ini.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang sebab saya bukan pakar di dalam getah. Barangkali Tan Sri Gan Teck Yeow, seorang ahli getah ada di sini maka dialah sepatutnya tahu lebih banyak daripada kita yang ada di sini dalam masaalah getah. Masaalah getah ini masaalah besar jadi patutlah tiap-tiap orang memberi pandangan yang membina untuk masa depan negara kita. Kita tidak mahu dengar seperti apa yang diperkatakan oleh Raja Datuk Nong Chik sewaktu sebelum penjajah atau orang putih iaitu sewaktu sebelum merdeka bahawa orang-orang Melayu mengalami keadaan bermacam-macam. Itu buku lama, buku yang dibuka itu tidak perlu dibaca lagi pada masa ini. Apa yang kita baca sekarang ialah buku masa depan negara kita. Ini yang kita mahu. Raja Datuk Nong Chik cerita fasal biji getah dan sebagainya itu tidak berbangkit hari ini. Yang kita hendak fikirkan masaalah ekonomi kita hari ini dan kita dipermudahkan oleh orang tengah di dunia dan kita hendak memikirkan bagaimana kita hendak menghadapi masaalah

masa depan kita, dalam masaalah perkembangan dalam kemajuan negara dalam masaalah getah ini. Sebab kita telah cuba melarikan kemajuan ini kepada kelapa sawit, kepada benda lain atau kepada pertanian lain tetapi kita tidak dapat melepaskan diri daripada getah. Sebab kelapa sawit kalau kita tanam, kita perlukan kepada kilang. Kalau tidak ada kilang, kita tidak boleh tanam kelapa sawit, pekebun kecil tidak dapat mengadakan kilang. Jadi getah juga satu tanaman yang paling mudah yang boleh dihidupkan, yang patut dihidupkan, yang patut dikawal atau patut dijaga oleh Kerajaan. Getah sahaja yang paling mudah untuk kehidupan orang kampung. Kita kata cuba lirikan kepada tembakau, tembakau ini satu perkara yang lain, satu benda yang sangat rumit. Tidak kena buat, dia salah baja pun daunnya jadi lain. Kalau dijual tembakau kalau orang kampung mainkan sedikit tembakau itu, daunnya boleh gugur bila disalai tinggal ranting daun sahaja, kerana cara itu sangat halus dalam masaalah daun tembakau ini dan ini kita tidak boleh bergantung dengan kepadanya sebagaimana kita bergantung kepada getah. Walau bagaimanapun, Kerajaan cuba hendak alihkan dan hendak perbanyakkan lagi mata pencarian rakyat, tetapi getah menjadi utama dan undang-undang ini adalah satu undang-undang yang utama, yang perlu mendapat perhatian dan pandangan daripada seluruh rakyat negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan sekarang selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.28 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*4.55 ptg.*

**Tan Sri Gan Teck Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Saya bersetuju prinsipnya adalah sangat baik, tetapi implimentasinya mestilah dijaga. Saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris sebab Rang Undang-undang ini ada sedikit teknikal.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Bolehlah.

**Tan Sri Gan Teck Yeow:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, natural rubber is not only the mainstay of our economy but is also the mainstay of the economy of the region. We are not the only country in this region that produces natural rubber. In fact, about 85% of the natural rubber in the world is produced by this region.

Before I go further, I must thank my colleague Senator Datuk Nik Hassan for his kind remarks. Unfortunately, my family was forced to have some connection with the rubber industry for the last two or three generations but I do not claim to be an expert. In fact, I have not prepared to speak on this Bill but I am just trying to say what I feel about this Bill.

We cannot, of course, challenge the principle of this Bill, but the success of this Bill depends on two important factors which should not be overlooked in two different sectors. One is regional co-operation and the other is the domestic implementation of any measure taken by the Ministry. Since we know that we are not the only producers of natural rubber, as some of my colleagues in this House did say, we might "carry the baby" for others to enjoy the benefit. So we must be very careful.

Today rubber is no more a pure trading commodity. In fact, it has already become an instrument of financial operations in the world. In the old days, the price of rubber was determined by the supply and demand position, but unfortunately today the factors have changed. The actual price level of natural rubber is based on three factors:

- (1) Financial factors.
- (2) Seasonal adjustment of supply and demand.
- (3) Shipping.

On the financial operations, I can say this. Looking at the commodity trading houses which specialise in handling rubber in the world today, especially in the London and New York markets, one will notice that not a single one of them which has a significant size has not been taken over by some bank or financial institution which owns the company. They have utilised the commodity as a

currency arbitrage, as a currency hedge. Again, the availability of money in the money market has a big say in financing the whole operation due to the interest rate. Today, in fact, the profit in the world trading of natural rubber mainly comes from the foreign exchange operations. The actual commodity profit is negligible.

Secondly, the supply and demand position is due to seasonal adjustments. For instance, during the past it was a well-known fact that the factories in the consuming countries were mostly accustomed to take their inventory at the beginning of the year and they slowed down at the end of the year. But in most producing countries the production drops at the beginning of the year and picks up at the end of the year. That is why we have a seasonal adjustment in the supply and demand position of rubber.

Sir, in regard to shipping, due to the closure of the Suez Canal and to various other factors, at one time shipping space became very scarce, so much so that we were at the mercy of the Conference Lines. Anyhow the situation has gradually improved now. We are the biggest producers of natural rubber, but during the past when we wanted to ship our rubber to some countries, the Shipping Lines just refused to call over at our ports saying, "Your tonnage is too small" and they wanted better profits. That is why some of our rubber has to be sent to Singapore for re-export. I hope this situation would change gradually.

The restriction of production of rubber itself is not the answer to the whole stabilisation scheme which has been proposed by the Ministry. I presume they have already taken note of the marketing system. As I have said, this region produces 85% of natural rubber. Naturally the marketing of the commodity is the key point to the stabilisation of the price of the commodity. The trading pattern or system of rubber itself has changed tremendously since the Second World War and it might change further. The rubber market has all along for the last six or seven years geared to financial operation. Malaysia no doubt is the biggest producer of natural rubber, but she herself is not strong enough to bring the rubber market over to this region or rather to establish Kuala Lumpur as the world centre of the rubber market. We need regional co-operation because if we pool

together various market facilities, we can compensate each other to make this market become the world's leading market. If we do not have regional co-operation and understanding and if we fight against each other, then for another half a century the market will still remain in London or New York or elsewhere. That is why I say the success of the implementation of this Bill in achieving its objectives depends a lot upon regional co-operation.

Secondly, the implementation of any measure proposed or suggested by the Ministry should be carefully looked into, because this Bill gives the Minister very wide powers and from time to time he can introduce any other suitable measures or any move to supplement this Bill to achieve the objectives. However, on the other hand, when a scheme or a measure is proposed, its implementation just does not work out the same way, especially because during the last few years in our country we have had certainly plenty of rubber experts overnight. As you know, Sir, sometimes too many cooks spoil the soup. Maybe one day the *kacang puteh* seller will also become a rubber expert. So, this is very important especially as a lot of our people are small-holders. They depend on rubber for their livelihood.

To sum up what I have said, once again I would like to call on the Minister concerned to look into the system of regional marketing and would urge him to be very careful in the implementation of any scheme either domestically or internationally.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengingatkan iaitu kita ada 11 Rang Undang-undang lagi untuk di bincangkan pada hari ini dan hari esok. Oleh kerana itu, saya minta Ahli-ahli yang berucap hendaklah meringkaskan ucapan mereka dan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan sahaja dengan Undang-undang yang dibincangkan. Dengan berbuat demikian, kita harus dapat menjimatkan masa Dewan dan mengelakkan daripada bersidang hingga larut malam. Kalau boleh, eloklah bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di ringkaskan ucapannya di dalam masa 10 minit mulai dari sekarang.

5.05 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah, 1975 yang telah dibentangkan pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian di dalam Rang Undang-undang ini bersangkut dengan kuasa Menteri melantik pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas-tugas di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini, maka kita berharap pegawai-pegawai yang akan menjalankan tugas itu dengan jujur, mengikut peraturan dan tidak menyeleweng. Kita tahu Rang Undang-undang ini baru sahaja kita luluskan dan sebagaimana kita faham bahawa ada setengah-setengah pihak yang bersangkut dengan perkara getah ini berasa gelisah di atas kelulusan Rang Undang-undang ini.

Di samping itu, saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perusahaan Utama, Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, yang mana kita tahu bahawa kegelisahan berkenaan dengan perkara getah ini telahpun berbangkit pada masa yang telah lalu, tetapi pada masa ini boleh di katakan kegelisahan kepada pekebun-pekebun kecil itu dapat juga di atasi.

Nasib pekebun-pekebun kecil ini kita sama-sama maklum kebanyakannya boleh dikatakan bukanlah menjalankan dayasahanya dengan sendirinya, tetapi perbelanjaannya boleh dikatakan tidak berbeza di antara pekebun-pekebun kecil daripada mula ditanam sehinggalah dapat di toreh getah ini. Di dalam soal ini, kita berharap, kalau boleh, kursus-kursus dapat diberi juga kepada penoreh-penoreh getah tersebut.

Pekebun-pekebun kecil ini, kadang-kadang pokok getahnya tidak sampai kepada masanya sudahpun rusak dan mati begitu sahaja dengan keadaan kurang pengeolaannya.

Kita tahu perlantikan yang akan dibuat oleh Menteri mengenai Ahli-ahli Jawatan-kuasa Penasihat ialah seorang daripadanya yang mengetahui dan memahami betul berkenaan dengan selok-belok getah dan selain daripada itu tidak kurang dari 3 orang yang

akan di lantik, maka kita berharap salah seorang daripada wakil pekebun-pekebun kecil akan dapat dilantik.

Kita percaya bahawa keadaan hukuman yang akan dijatuhkan berkenaan dengan perkara-perkara menyalah-gunakan masalah-masalah stockpile dan pendaftaran pekebun-pekebun kecil dan estet-estet, sebagaimana yang telah ditetapkan, tidak kurang daripada \$10,000 ataupun tidak kurang dari 2 tahun jail atau kedua-duanya sekali, maka undang-undang ini diperbuat memanglah tujuan Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah keadaan kedudukan getah kita. Kita percaya bagi pihak yang ada keraguan dalam perkara ini, dan sebagaimana yang telah di terangkan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa hukuman-hukuman yang akan dikenakan ialah disebabkan kadang-kadang kalau tidak ada hukuman-hukuman dijatuhkan, maka menjalankan daya usaha untuk menstabilkan harga getah ini tidak tercapai dan tidak diambil peduli oleh pihak-pihak yang terkena dalam soal ini. Maka dengan keadaan begini, kita percaya pihak Kerajaan kita yang membuat undang-undang ini dan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri ini untuk melaksanakan tugas-tugas Kerajaan yang tertentu dan tidaklah berbangkit salah faham kepada pihak-pihak yang setengahnya mengatakan undang-undang ini terkena kepada mereka itu dan saya percaya sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Datuk Musa Hitam yang bersusah payah pada hari ini dengan adanya penasihat-penasihat yang hendak ditambahkan ini, maka tugas-tugas Yang Berhormat Menteri di luar negeri nanti untuk menstabilkan harga getah ini akan dapat diatasi dengan baik dan sempurna pada masa yang akan datang.

### 5.11 ptg.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti pendapat dan hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat dengan teliti dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya mengucapkan terima kasih atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Saya akan mengambil ingatan atas syor-syor dan pandangan yang telah dibuat.

Saya ingin menjawab beberapa perkara sahaja dan untuk berbuat demikian, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr President, Sir, with regard to the comments made by several Honourable Senators in this House—Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt, Senator Raja Datuk Nong Chik, Senator Datuk Crawford, Senator Datuk Nik Hassan and Senator Tan Sri Gan Teck Yeow—on the feasibility of the International Rubber Stabilisation Scheme, on the fear of the international Rubber Stabilisation Scheme, I would have this to say.

Malaysia has long recognised the need for a scheme to stabilise its rubber prices which have been experiencing fluctuations. For example, from 145 cents per kilo in 1969, prices were down to 94 cents in 1972. It went up to 165 cents in 1973 reaching a peak of 265 cents per kilo in Januari 1974, then prices slumped again to a miserable 97 cents in November 1974.

Mr President, Sir, we have time and again voiced our interest in having a price stabilisation scheme for rubber at international forums like the U.N.C.T.A.D. and I.R.S.G.—International Rubber Study Group. At early times it was thought by the prophets of doom that synthetic rubber could displace the entire natural rubber. It is interesting to note that this attitude even among the synthetic rubber producers has been fast changing to one of accepting the co-existence of both types of rubbers, even well before the oil crisis in October 1973. The oil crisis and the galloping increase of petroleum prices which took place at the end of 1973 has put natural rubber in a stronger competitive position relatively to the synthetic rubber. With this relative shape in cost structure between synthetic and natural rubber, the circumstances should be favourable for the involvement of an International Rubber Price Stabilisation Scheme. The Government has taken this opportunity to initiate such a scheme. We have seized the opportunity for initiating such a scheme. The favourable factors are as follows:

- (1) Rubber is an essential commodity. The world consumed 10.7 million tons of rubber in 1974, out of which 3.5 million tons was natural rubber and the rest synthetic rubber.
- (2) There is no suitable substitute for natural rubber because synthetic rubber

tends to be more complementary rather than competitive to natural rubber. This is because of the very high oil prices experienced. Oil prices jumped up in November 1973 from US\$2.56 cents per barrel to the current \$12 per barrel. As such, the cost of production for synthetic rubber is very expensive now.

- (3) Natural Rubber has a good claim to meet a growing proportion of the expanding future demand for elastomers. As I have said before, petroleum is a very expensive material and also it is a depleting material whereas for natural rubber it is a renewable asset type of industry—we can grow more and increase our productivity.
- (4) Natural rubber is produced largely by South-East Asian countries which account for some 86% of the total world natural rubber supply.

The Asean countries have established a common approach to promote the interest of natural rubber.

On the 28th November, 1974 the Minister of Primary Industries, Datuk Musa Hitam, announced a six-point national crash programme in Parliament. Implementation of the programme had not only halted the rapid declining prices of rubber but also stabilised the prices from 120 to 130 cents per kilo over a period of seven months. Now, with the appearance of recovery from the recessionary trend, rubber prices have improved further. The need to act quickly will be appreciated when one realises that 65% of our rubber production comes from the smallholders; it is 75% in Indonesia and over 90% in Thailand.

Therefore, Mr President, Sir, it was welcome news to all when we took steps to initiate an International Rubber Price Stabilisation Scheme with Indonesia, Thailand, Sri Lanka and Singapore. At this present moment experts of the Association of Natural Rubber Producing Countries are studying the Draft Agreement on the International Rubber Price Stabilisation Scheme. I have great confidence that the scheme will be a reality, given the favourable conditions prevailing now. With stabilised rubber prices, consumers will be able to plan ahead without uncertainty on the supply and producers will

have more confidence in expanding production. The position of natural rubber is likely to improve further as synthetic rubber may have to rely more and more in the times to come on more costly petroleum feed stocks which are expensive and also depletable.

With regard to the comment made by Senator Datuk J.E.S. Crawford and also the comment made by Senator Tan Sri Gan Teck Yeow on regional co-operation, I would like to say this also. What could not happen between 1934 and 1940 does not mean that it cannot be done now. Times have changed. So have the political situations and the economic situations in this world. We must respond to the changing conditions.

Mr President, Sir, we have had some roaring success last year which all Malaysians are proud of, notably the establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China, closer co-operation with the Islamic countries and the launching of our National Crash Programme and the initiating of the International Rubber Price Stabilisation Scheme with Indonesia, Thailand, Sri Lanka and Singapore. All these events show in no uncertain terms the ability of our pragmatic Government to get in step with the current international, political and economic realities. Being a significant producer of a number of primary commodities in the world, Malaysia should have a major say to achieve fair and just prices for our commodities. However, I wish to stress in this House that we will not be effective if we were to act alone and we will not realise this objective. That I agree with the Senators in this House. But we must seek sincere support and closer co-operation not only from other primary commodity producing countries, but also from the consumer countries. Favourable rubber prices, in the final analysis, will have to depend on the recovery of the economic off-take in the industrial countries. As such, my Minister went to the producing countries to talk to them and explain to them the objective of our proposed International Natural Rubber Price Stabilisation Scheme. My Minister also visited the industrial countries emphasising that what we want are stable rubber prices which are remunerative to the producers and yet fair to the consumers, thus bringing benefits to both the producers and the consumers.

Mr President, Sir, as I have mentioned before, we shall be in a better position to contribute towards the reshaping of the international economic environment into a fairer and more just economic order in which the interests of primary commodities producing countries and consuming countries can be reconciled, thereby bringing about a mutually beneficial co-operation.

Sir, the current economic situation has inevitably brought about greater determination to our action-oriented Government to combat the export-earning problems confronting all of us. I am confident that we can, with our initiative, our determination, our fair policies and also with the sincere support and close co-operation from the ASEAN countries and the industrial countries, achieve our regional, social and economic aspirations.

With regard to the comment made by Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock, Senator Tuan Haji Mohd. Amin and Senator Datuk Nik Hassan on the rubber dealers problems, I would like to clarify in this House that there are about 1,800 rubber dealers in the country, out of which 124 have been asked to hold the additional rubber stock under the National Crash Programme. Out of these 124 rubber dealers five rubber companies have already held about 46% of the total additional stock and these five rubber companies are:

Company	Stock held
(1) M/s Lee Rubber ... ..	21.2%
(2) MARDEC ... ..	12.3%
(3) M/s Choo Seng Co. Sdn. Bhd. ... ..	5.7%
(4) M/s Tong Yik Co. Sdn. Bhd, ... ..	3.9%
(5) M/s Southern Rubber Works Sdn. Bhd. ... ..	2.8%

Small rubber dealers, as a matter of fact, are not involved in the additional rubber stock exercise.

We are fully aware, Mr President, Sir, of the low rubber consumption in the Socialist countries of China and the East European countries. We know very well that the consumption rate for China for 1972 was only 0.3 kilo per person per year whereas for the East European countries the consumption rate was 1.8 kilo per person per year. Just to make a comparison, the

consumption rate for the United States in 1972 was 14.7 kilo per person per year. As such, we have sent our Trade Mission to China in order to secure more purchase of rubber from them and we are going to send a Trade Mission to the East European countries too so as to promote our rubber market or to extend our rubber market to the socialist countries.

Malaysia has been encouraging other countries to set up their offices in our country for the purpose of purchasing rubber from us. This is the answer to the point raised by Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

With regard to the appointment of representatives in the Rubber Advisory Council, my Minister has already stated in the Lower House that he would consider representatives from the smallholders' sector, one representative from the Sabah and Sarawak side and that he would consider suitable representatives to be in the Advisory Council. Here I would like to stress that we will consider, in all our efforts, to put the right man to do the right job. Mr President, Sir, I would like also to inform the House that this Advisory Council is a very important one and sometimes news could be leaked out which may be detrimental to the stabilisation exercise. Therefore, in the selection of representatives, we must be very careful.

With regard to the comments made by Senator Tuan Haji Mohd. Amin on Government facility to the smallholders in the remote areas to get or to renew licences, I have already told this House yesterday that the M.R.E.L.B. from 1st August, 1975 will be sending mobile units to big kampungs and the rural areas to issue or renew licences for the smallholders.

With regard to the interesting comment made by Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob on research to obtain motor oil from rubber, I wish to say that research has been done to extract gasoline from rubber but the cost involved is not economical—it is very huge. It is much cheaper to use petrol rather than to have gasoline extracted from rubber.

With regard to the replanting cess and the research cess as raised by Senator Raja Datuk Nong Chik, we are receiving 4½ c. replanting cess from the rubber industry and 1 c. research cess from them as well.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan berkenaan

dengan replanting cess. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri silap sedikit, ini bukan 1 cent tetapi sekarang 2.2 cents per kilo.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Mr President, Sir, I would like to correct myself. It is 4½ c. per lb. for replanting cess and 1 c. per lb. for research cess. The smallholders will receive a replanting grant from the Board at \$900 per acre whereas for the replanting cess, this will be channelled for the research work carried out by R.R.I. in this country and the various research centres overseas. I wish to emphasise that the research centre in the United Kingdom is to provide technical services to the factories concerned because most of the factories are located in U.K. and Europe, and we also have got a centre in the United States to render all the technical services to them. These are essential because most of our rubber is utilised in the manufacturing industries in the industrial countries.

Mr President, Sir, I have taken note of the comments made by various Senators in the House and we will study them in detail. Finally, I would like to say that this Bill is to stabilise rubber prices in our country and we also hope that in time to come, this will evolve into an international rubber agreement. We must look at our rubber industry not only in the national interest, not only in the regional interest, but also in the world interest because we have to look at our commodities from a global angle. This is a global trade and not confined to one country alone.

Akhirnya, suka saya mengucapkan terima kasih sekali lagi di atas sokongan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tan Sri Gan Teck Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tadi saya ada katakan regional co-operation, ada satu subject mengenakan regional marketing system yang dikenakan oleh Menteri, saya tak tahu samada beliau sokong atau tidak idea ini. Perkara ini belum dijawab lagi.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Mr President, Sir, we must not only look into the regional marketing system but we must also look into the global marketing system as well. That is my answer to Senator Tan Sri Gan Teck Yeow.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6—*

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 3 (f), iaitu:

“3. (2) (f) a person knowledgeable in the rubber industry appointed by the Minister.”

Saya hendak minta keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai producer kebun kecil ke ladang besar yang bayar cess. Saya harap perkara rubber industry ini dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Sir, the Bill states very clearly that a person knowledgeable in the rubber industry is to be appointed by the Minister. So it is up to the Minister to appoint a person who is very knowledgeable in the rubber industry. I think it is very clear and I do not see why there should be any clarification.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Pengerusi, untuk keterangan. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kurang faham. Dalam rubber industry ada dua section—rubber trade ada dalam rubber industry tetapi dia bukan producer. Producer yang membayar cess itu yang dikatakan knowledgeable in the rubber industry. Rubber industry pun boleh masuk rubber trade. Ini dalam rubber industry. Pertanyaan saya ialah daripada producer sahaja, orang yang membayar cess ini pekebun kecil atau ladang besar, bukan trader. Itu yang saya hendak bertanya.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Sir, this person can be a producer and he might as well be a trader because in this country some of them are producers as well as traders. So we do not make any distinction at all between producers and traders.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya berkenaan dengan 5 (e) iaitu:

“5 (e) melarang atau mengawal penggunaan kimia-kimia dan lain-lain benda yang menggalakkan pokok-pokok getah mengeluarkan susu;”

Ini saya hendak mendapat pengertian di atas perkara ini.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Yes, I had forgotten just now to explain about the etherel chemical raised by Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik. Etherel is a type of chemical which can stimulate the flow of latex from the trees. If we apply etherel to the trees more latex will be produced. Actually, this chemical stimulant is a very good buffer agent for our rubber stabilisation scheme, unlike the tin mining industry where we do not have this type of stimulant to produce more tin because the tin is either there or not there.

The price of rubber is dictated by the supply and demand position. If the supply exceeds the demand, then the price will go down and *vice-versa*. So if the price goes down, in order to uplift the price, what we do is we ask the estates and smallholders to withdraw the chemical stimulant so that the supply and demand position can be balanced and the rubber price can go up. I do not think we can have a cake and eat it by ourselves because if we want higher prices we must knock off the surplus rubber in the market. The exercise to withdraw the chemical stimulant is to assist us in order to bring up the price of rubber.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Pengerusi, saya faham di atas perkara kimia tadi tetapi yang saya tidak faham itu perkataan “lain-lain benda”. Lain-lain benda itu mendatangkan hasil getah lebih banyak. Misalnya, pokok getah itu bila dicantum nanti akan mendatangkan hasil yang lebih banyak daripada 500 paun seekar setahun, mendapat misalnya 2,500 paun seekar. Adakah itu juga tidak boleh, oleh kerana seperti yang diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi supaya hasil getah itu jangan terlampau banyak. Kalau terlampau banyak nanti susah mencari pasarnya kelak. Adakah itu ertinya begitu atau tidak?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Sir, we are using the word “chemicals” because there are other chemicals besides etherel which can stimulate the flow of latex, and if we only specify “etherel” then the estates and the smallholders can make use of the other chemicals to produce more latex and therefore produce more rubber in the world market and that will defeat our exercise of stabilisation.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa beberapa masa dahulu, Dr Sekhar, penyelidik getah kita ada memberitahu dalam akhbar bahawa research yang baru yang didapati boleh simpan getah di batang getah itu, ada satu penyelidikan yang dibuatnya yang mana getah itu kalau musim hujan tidak boleh ditoreh, maka getah itu disimpan dalam batang getah, bila dia mahukan getah itu, dia toreh sahaja. Kalau tidak mahu, boleh simpan di batang getah. Adakah Timbalan Menteri ini sedar ada penyelidikan yang semacam itu dibuat?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Sir, if we do not apply chemical stimulants on to the trees, in a way we are reserving the latex because if we put chemical on the trees then more latex will be coming out.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Pengerusi, untuk keterangan sedikit. Dr Sekhar kata disimpan dalam pokok. Kalau simpan dalam pokok, jangan potong. Kena simpan, jika tidak dipotong tentu simpan juga.

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN PALANG MERAH MALAYSIA (PERTUKARAN NAMA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menukar nama dan lambang Persatuan Palang Merah Malaysia dibaca bagi kali yang kedua.

Persatuan Palang Merah Malaysia (The Malaysian Red Cross Society) adalah satu daripada 122 buah pertubuhan nasional yang bersama-sama mengamalkan tujuan-tujuan dan cita-cita pergerakan Red Cross.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum pergerakan Red Cross ialah satu pergerakan yang meliputi seluruh dunia yang tidak berdasarkan politik ataupun agama tetapi berasas kepada prinsip-prinsip peri kemanusiaan yang neutral dan adil. Pergerakan Red Cross ini muncul di negara ini dalam masa darurat dahulu iaitu dalam tahun 1951 manakala satu cawangan Persatuan Palang Merah British ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan kebajikan menerusi kelinik-klinik bergerak dan kelinik-klinik tetap.

Kemudian dalam tahun 1957 Persatuan Palang Merah bagi Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan dan dalam tahun 1965 pula Persatuan Palang Merah untuk meliputi seluruh Malaysia yang ada sekarang ini telah ditubuhkan menurut Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Perbadanan) 1965.

Persatuan-persatuan Red Cross ini menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut keadaan dalam negara masing-masing. Di negara ini persatuan ini menumpukan perhatian khas kepada aktiviti-aktiviti berkaitan dengan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam dan lain-lain kerja kemasyarakatan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan masyarakat. Di beberapa buah negara Islam Persatuan Palang Merah ini dipanggil Persatuan Bulan Sabit Merah dengan simbol bulan sabit merah, berlatar-belakang putih dan di negara Iran pula Persatuan itu dipanggil the Red Lion and Sun Society dengan simbol singa dan matahari merah berlatar-belakang putih. Sebagai sebuah negara Islam, adalah lebih elok lagi Persatuan Palang Merah Malaysia ditukar namanya kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia seperti juga di negara Islam lain seperti Saudi Arabia dan seterusnya simbol palang merah itu ditukar kepada simbol bulan sabit merah yang berlatar-belakang warna putih.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan di sini bahawa simbol Bulan

Sabit Merah ini sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan simbol keagamaan, ketiga-tiga simbol iaitu Palang Merah, Bulan Sabit Merah, Singa Merah dan Matahari di atas tanah berwarna putih adalah simbol-simbol yang diakui oleh Geneva Convention. Seterusnya lagi suka saya menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah semata-mata untuk membuat pindaan kepada Undang-undang yang ada sekarang iaitu Akta Persatuan Palang Merah Perbadanan, 1965, bagi menukarkan nama dan lambang Persatuan Palang Merah itu kepada Persatuan Bulan Sabit Merah. Penukaran nama sahaja dan simbol itu tidak sekali-kali akan menjejaskan fungsi peranan perkhidmatan dan tanggungjawab yang ada pada Persatuan Palang Merah Malaysia selama ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya akan mengambil segala langkah-langkah yang perlu dan memberikan kerjasama yang penoh kepada bakal Persatuan Bulan Sabit Merah ini dalam usaha memberikan publicity yang luas kepada seluruh rakyat di negara ini dan juga kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di negeri-negeri lain di atas penukaran nama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama dan lambang Persatuan Palang Merah Malaysia dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Datuk Athi Nahappan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.56 ptg.*

**Puan Zawiyah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas pindaan Akta Persatuan Palang Merah Malaysia yang dibentangkan di hadapan kita sekarang ini.

Akta ini sepatutnya telah lama dipinda kerana lambang yang ada pada hari ini adalah pusaka dari penjajah dahulu lagi dan lambang ini merupakan satu lambang agama Kristian. Dengan penukaran lambang Bulan Sabit adalah merupakan satu lambang yang paling sesuai kepada negara kita yang agama Islam sebagai agama rasmi. Apa yang menarik perhatian saya pada hari ini, Persatuan Palang Merah ini

amatlah penting terutama sekali ketika negara kita sedang menghadapi malapetaka seperti banjir dan sebagainya. Ahli-ahli yang menyertai dalam Persatuan Palang Merah pada hari ini kebanyakannya adalah terdiri daripada kanak-kanak sekolah dan kurang benar daripada orang-orang awam. Untuk menarik lebih ramai lagi orang-orang awam berkhidmat atau memasuki Persatuan Palang Merah ini, kerana persatuan ini adalah badan sukarela, maka saya syurkan supaya tiap-tiap ahli hendaklah diberi pakaian seragam percuma, dan tidaklah sebagaimana yang ada pada hari ini, segala pakaian seragam adalah dibuat oleh ahli-ahli itu sendiri. Begitu juga masalah yang dialami oleh murid-murid sekolah yang memasuki persatuan ini, terutama sekali murid-murid sekolah yang tinggal di luar-luar bandar, kerana satu pasang pakaian seragam bagi Persatuan Palang Merah ini memakan belanja berpuluh-puluh ringgit juga. Jadi, saya bersetuju jika diberi pakaian seragam ini dengan percuma sudah tentu akan menarik lebih ramai lagi ahli-ahli daripada orang awam dan juga kepada murid-murid sekolah.

Yang kedua, pihak Kerajaan hendaklah memberi seberapa banyak kemudahan kepada persatuan ini untuk mencari wangnya sendiri supaya dapat mereka menjalankan aktiviti-aktiviti untuk faedah orang-ramai dan negara.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, pakaian seragam Persatuan Palang Merah yang ada pada hari ini yang lelakinya memanglah sesuai, tetapi apa yang saya hendak sentuh di sini ialah pakaian wanita; bukan tidak sesuai saya bersetuju kedua-keduanya, tetapi ada pakaian yang saya dapati dua jenis pakaian. Di Trengganu satu jenis pakaian seragam ini gaun dan satu lagi baju dan kain, jadi mana satukah pakaian yang resmi bagi Persatuan Palang Merah ini. Saya rasa tidak ada apa-apa lagi untuk saya hendak bahaskan, saya hanya menyokong penuh di atas pindaan Akta Persatuan Palang Merah Malaysia ini.

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat Puan Zawiah Abdullah di atas pandangan yang diberikan tadi iaitu memberikan pakaian percuma dan begitu juga

kepada pakaian seragam. Saya akan sampaikan perkara ini kepada Persatuan Palang Merah sendiri. Dan sekali lagi saya tegaskan, iaitu Bulan Sabit Merah ini bukanlah lambang keugamaan, tetapi adalah sebagai satu simbol yang telah ditetapkan oleh Geneva Convention. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, Bil ini ada pindaan di dalam peringkat Jawatankuasa. Saya hendak bertanya pindaan yang mana satukah yang hendak dipakai? Barangkali saya kurang faham. Sepatutnya pindaan ini mesti dikemukakan dahulu dalam Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Pindaan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat telah termasuk dalam Dewan Negara.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.05 ptg.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang Pindaan ini adalah bertujuan untuk memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen Khas kuasa membicarakan kes-kes jenayah yang membawa

hukuman penjara seumur hidup. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa memandangkan keberanian pembunuh-pembunuh, perompak-perompak dan pengkhianat-pengkhianat yang memakai senjatapi apabila melakukan kes membunuh, merompak dan jenayah dengan kejam, maka masanya telah tiba untuk Kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan ketat menerusi undang-undang bagi mencegah kekejaman yang semakin bertambah dari sehari ke sehari dan yang lazim dilakukan baikpun di Ibu Kota ataupun di mana-mana juga ceruk dan rantau negeri kita ini.

Malangnya pada masa ini dikecualikan beberapa kes jenayah sahaja yang diperuntukkan di dalam Seksyen 63 (3) Akta Mahkamah Rendah 1948 atau Subordinate Courts Act, 1948 untuk dibicarakan oleh Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen Khas kuasa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup adalah dipegang oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Tanggungjawab dan bebanan yang dipikul oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasanya adalah sangat berat. Keadaan yang demikian telah melambat-lambatkan perbicaraan kes-kes jenayah membunuh, merompak dan perbuatan khianat yang dilakukan dengan senjatapi. Tambahan pula dengan adanya system jury trial, yang sungguhpun berfaedah di dalam beberapa kes jenayah sebagai penapis yang perlu digunakan oleh Mahkamah Tinggi apabila membicarakan kes-kes bunuh, maka bertambah rumit dan lambatlah kes-kes merompak dan khianat yang dilakukan dengan senjatapi itu diselesaikan. Ada kalanya system jury trial ini telah menyebabkan orang-orang yang sebenar salah dan telah melakukan perbuatan jenayah sebagai membunuh, merompak dan mengkhianat dengan senjatapi telah dapat lepas ataupun tidak didapati salah oleh juri sebagai pengadil (judge) on the question of fact.

Oleh sebab-sebab inilah maka nampaknya pembunuh, pengkhianat dan perompak yang menggunakan senjatapi tidaklah gentar atau takut lagi untuk bertindak di siang hari dan di hadapan khalayak ramai di Ibu Kota atau di tempat lain sekalipun bagi kepentingan mereka sendiri dan melakukan perbuatan yang keji itu. Dengan cara memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen Khas untuk membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara seumur

hidup dapatlah pentadbiran membicara dan menyelesaikan kes-kes jenayah seperti merompak, membunuh dan mengkhianat yang menggunakan senjatapi itu diselenggarakan dengan licin dan cepat lagi.

Akhir sekali, suka saya memaklumkan bahawa dengan meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948 melalui Rang Undang-undang (Pindaan) ini perlulah juga meminda Akta Senjatapi, 1960, Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dan Ordinan Dadah Berbahaya, 1952. Pindaan kepada Akta-akta dan Ordinan ini adalah juga dibentangkan dalam Dewan ini untuk memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Seksyen Khas bidang kuasa untuk menggunakan hukuman penuh yang diperuntukan oleh Undang-undang termasuklah penjara seumur hidup dikecualikan hukuman mati yang terdapat dalam Akta-akta dan Ordinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyumbangkan sedikit sebanyak tenaga saya sebagai seorang Ahli di dalam Dewan ini. Walaupun saya sedar saya adalah seorang biasa iaitu layman, tetapi adalah menjadi tugas saya—it is my duty to express my opinion in this House.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini dibuat pada tahun 1948 iaitu zaman Chin Peng mula mengganas kemudian sampai sekarang ini sudah 37 kali dipinda. Rang Undang-undang ini mengalami pindaan sebanyak 37 kali, dan sekarang ini sudah jadi 38 kali sebab belum siap lagi sudah dipinda, di Dewan Rakyat mengemukakan pindaan dan belum sempat sampai di sini sudah dipinda dari sana. Begitulah kedudukan Rang Undang-undang ini.

Undang-undang ini sebenarnya dibuat untuk menyesuaikan pada masa dharurat dahulu, Rang Undang-undang Senjatapi ini dibuat bukan semata-mata untuk Undang-undang Senjatapi. Kalau begitu kita kaitkan dengan bidang kuasa ataupun jurisdiction yang kita hendak beri kepada majistret kita, maka ini atau Yang di-Pertua Mahkamah

Sesyen diberi kuasa sudah dua kali tetapi sekalipun tidak ditambahkan pangkatnya. Pada satu masa kita telah mengubahkan Seksyen 63 (3) ini dan kita tambah sampai kepada Arms Act, 1960, kemudian kita hendak tambah lagi termasuklah Ordinance tahun 1952 sampai kepada Firearms (Increased Penalties) Act, 1971 ertinya kita sudah memberi dua kali kuasa kepada dia, dan kita tambahkan kuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang kita beri ini pun kuasa yang tidak penuh juga iaitu kuasa menambah beban majistret dan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen iaitu kuasa khas diberi oleh Yang di-Pertuan Agong, bukan kuasa asal. Barangkali Yang Berhormat Menteri tentulah ada text di hadapannya iaitu Seksyen 63. Saya minta izin membacakan sebagai bahan untuk saya mengemukakan fikiran saya.

“63. (3) The Yang di-Pertuan Agong may, on the advice of the Chief Justice, by notification in the *Gazette*, confer upon any President of the Sessions Court, special jurisdiction to try offences. . . .”

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak juga kita memberi kuasa kepada majistret atau Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen itu. Jikalau kita hendak memberi kuasa kita tak usah lagi bergantung kepada special jurisdiction ini, kita beri betul kepadanya. Tujuan kita hendak menambahkan kuasa ini kerana hendak mencegah kekejaman, kalau ini tujuan kita, maka pindaan ini akan mengalahkan tujuan kita—it will defeat the purpose—sebab mencegah kekejaman mestilah law itu sendiri yang mencegah ataupun hukuman itu yang memberi takut kepada orang, bukan menganggap dia ini boleh menghukumkan ataupun dia ini tidak boleh menghukumkan, memberi kuasa kepada seseorang majistret atau Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen adalah masalah pentadbiran, bukan masalah undang-undang. Dan Yang Berhormat kita tadi pun mengatakan kalau kita selalu pakai juri, orang salah itu terlepas, dan yang selalu berlaku berkenaan dengan question of fact. Yang bersangkutan ini ialah masalah pentadbiran dan tidak masalah law, atau undang-undang ini sendiri. Jika tujuan kita hendak mencegah kekejaman saya lebih suka supaya undang-undang kita ini ditambah di dalam satu procedure kita iaitu kita jangan beri banyak sangat keuntungan sangkaan atau

dalam bahasa Inggeris the benefit of the doubt. Kita potong yang itu, barang siapa juga dibicarakan dan kalau ada yang kita hendak syak dan hendak beri untung kepada dia, dia tidak boleh lepas langsung. Kalau kita memegang berkenaan the benefit of the doubt ini selalu kita clash berkenaan dengan question of fact, orang itu sudah 90% didapati salah, tetapi ada the benefit of the doubt kita lepaskan dia. Itulah yang salahnya dan silapnya iaitu undang-undang ini sendiri, bukan juri dan bukan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen. Lain tujuan yang kita mahu dengan undang-undang ini tetapi lain kerja yang kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini mungkin cakap-cakap saya tidak dipakai, tetapi tidak lama lagi barangkali next year saya mengaji sedikit lagi undang-undang and I will come again and see the Minister. (*Ketawa*) Lagi satu perkara saya menarik perhatian Kerajaan ialah pindaan memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen ini tidak berlaku di Malaysia Timur, kalau tidak silap saya. Ertinya kalaulah berlaku tembak-menembak di sana ataupun banyak orang melakukan jenayah, Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen di sana tidak dapat hendak menjalankan kuasa yang diberi oleh Yang di-Pertuan Agong kepadanya. Saya tidak tahu barangkali ada peruntukan (provision) lain tetapi amatlah ganjil bagi sebuah negara membezakan kedudukan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen semata-mata oleh kerana Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen ini duduk di East dan yang satu lagi duduk di West, kecuali kalau ada undang-undang di sana yang boleh cover; sudah tentu tidak ada sebab Yang di-Pertuan Agong satu sahaja saya tidak fikir ada lagi satu di sana. Ini nyata di dalam Seksyen 1 (2) di dalam Undang-undang tahun 1948 itu sendiri; “This Act shall not apply to East Malaysia.” Ini juga satu perkara yang saya rasa patut diberi perhatian yang lebih sempurna oleh Kerajaan terhadap undang-undang ini.

Lagi satu perkara saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri kita ini betul-betul sayang kepada rakyat kita tentulah Yang Berhormat Menteri kita ini membuat homework banyak sedikit iaitu mengapa kita hendak samakan procedure kita terhadap criminal offence terhadap harta, apa yang kita membahaskan ini bagi memberi kuasa terhadap nyawa manusia.

Jadi terhadap harta lain sedikit, terhadap nyawa lain sedikit, kalau kedua-dua kaedah kita pakai maka tentulah kalau orang mencuri motokar tiba-tiba satu ingredient tidak cukup, hendakkan evidence itu, terlepaslah orang itu. Paling tinggi saya hilang sebuah motokar dan motokar saya barangkali alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, harganya tidak lebih daripada \$2,000—saya tidak sayang. Tetapi kalau misalnya anak saya terbunuh atau girl-friend saya terbunuh tentulah kalau sekiranya orang salah itu terlepas saya akan lebih luka. Jadi kita apply kaedah itu sama sahaja iaitu crime terhadap property dan crime terhadap lain. Ini satu perkara yang Menteri kita mesti tolong mencerahkan Dewan ini supaya kita mendapat faham.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kita memberi kuasa yang seperti ini sudah nyata yang Menteri kita mengatakan ini untuk hendak mempercepatkan lagi perbicaraan, sedangkan kuasa ini mesti di *Gazette* terlebih dahulu baru boleh dijalankan. Kalau diberi kuasa terus tentulah perkara itu boleh dijalankan dengan cepat dan tidak payah menunggu *Gazette*. Melakukan *Gazette* bukan satu perkara yang mudah juga walaupun kita buat dengan terburu-buru. Dan kalau sekiranya kita memandang ancaman ataupun kekejaman menggunakan senjata ini lebih merbahaya daripada satu masa ke satu masa, hendaklah satu unsur cintakan perdamaian dimasukkan di dalam undang-undang ataupun dimasukkan di dalam curriculum education kita. Kerja kita ini tidak sahaja semata-mata hendak memperbaiki (to cure) penyakit tetapi juga to prevent crime itu daripada berlaku di dalam negara kita dengan berleluasa.

Apabila kita membaca seksyen 63 (3) kita dapati bidangkuasa yang lebih diberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen itu dimasukkan beberapa seksyen di dalam Penal code iaitu 326; 329; 376 dan 377.

Seksyen 377 ini satu kesalahan yang saya rasa tidaklah merbahaya sebagaimana senjata api menembak orang, ditembak juga, tetapi tidaklah sampai merbahaya yang seperti itu, dia tembak dengan senjata lain. palau begitu sepatutnyalah kita pisahkan perkara-perkara yang civil dan yang bersifat criminal yang sebenar. Kalau kita campur begini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebelum pilihanraya yang akan datang ini boleh

jadi sampai 40 kali kita meminda Undang-undang ini; akhirnya sebagaimana kita ada satu kot (baju), tulang ini sahaja, yang lainnya kain merah ditampung merata-rata, rangkanya tinggal sahaja. Jadi, inilah yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya minta, yang pertama mengkaji semula iaitu kalau tujuan kita mencegah kekejaman maka bukan diperbaiki dengan pembaikan pentadbiran. Jika kita rasa pindaan kuasa ini patut dari segi pentadbirannya, maka kita naikkan pangkat itu ataupun kita increase the number of judges dan bukan kita memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen.

Jika kita takut orang salah yang dituduh di bawah Undang-undang ini selalu terlepas akibat daripada pembicaraan menggunakan jury system, maka jury system itulah yang diperbaiki dan diperelokkan bukan membebaskan Yang di-Pertua Sessions Court ini. Jadi, ketiga-tiga ini boleh menolong kita memikirkan apakah kita hendak menggunakan kaedah ini sama sahaja crime terhadap property ataupun crime terhadap lain, dengan demikian barulah kita dapat satu Undang-undang yang lebih baik daripada Undang-undang yang kita ada ini, bukan sahaja berjalannya kuatkuasanya di Malaysia Barat tetapi juga mencari jalan supaya dipinda Perlembagaan sampai kepada Malaysia Timur.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah hampir cukup, kalau boleh, tolong ringkaskan sedikit.

6.26 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini kerana daripada keterangan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan tujuan besar Bil ini ialah oleh kerana hendak mencegah atau mengurangkan jenayah yang bahaya yang ada di dalam negara kita ini. Barangkali oleh kerana kekurangan Hakim-hakim Besar ataupun Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, maka terpaksa diberi kuasa kepada Presiden bagi Mahkamah-mahkamah Sesyen dan juga Mahkamah Rendah untuk dibicarakan kes-kes jenayah ini. Dalam memberi sokongan ini saya suka memberi pendapat saya kepada Bil ini.

Saya rasa selain daripada kita meminda Bil ini untuk membanyakkan masa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang besar

ini, maka patutlah juga Kerajaan terutamanya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menimbangkan keadaan kedudukan Jabatan Polis ataupun pengawal keamanan, umpamanya, yang mana daripada sehari ke sehari bolehlah dikatakan sangatlah tidak memuaskan hati. Kerana tiap-tiap kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara kita ini boleh dikatakan kalau ada 10 kejadian jenayah pembunuhan, barangkali tidak sampai separuh yang boleh ditangkap atau dihukum. Saya rasa perlu satu penelitian dibuat oleh Kerajaan kepada set-up atau kedudukan Jabatan Polis pada masa ini. Sebab setahu kita pada masa dahulu apabila satu-satu

kejadian jenayah berlaku di dalam negara kita ini ataupun satu kes pembunuhan yang berlaku tidak berapa lama dahulu itu maka pembunuh itu dapat ditangkap.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapannya pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 30hb Julai, 1975.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*